



PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Cuti Y.B. Tuan Haji Affandy bin Tun Haji Mohd. Fuad Stephens—Kebenaran
[Ruangan 3373]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3373]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 3437]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Makhlik Perosakan Pertanian dan Tumbuh-tumbuhan
(Pindaan) [Ruangan 3437]

USUL:

Penanguhan Mesyuarat [Ruangan 3465]

UCAPAN PENANGGUHAN:

Bahasa Malaysia dan Jawi—Pelaksanaan Matapelajaran [Ruangan 3466]

Peguam Negara sebagai Ahli Lembaga Pengampunan [Ruangan 3470]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pelajaran, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

- Yang Berhormat Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM, S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).

- Yang Berhormat TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S., (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).

- Yang Berhormat DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT³ GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (TAMPIN).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).

Yang Berhormat TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).

- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Nghoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 19hb Julai, 1984

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*(Tuan Yang di-Pertua mem-
pengerusikan Mesyuarat)*PENGUMUMAN TUAN
YANG DI-PERTUACUTI Y.B. TUAN HAJI AFFANDY
BIN TUN HAJI MOHD. FUAD
STEPHENS—KEBENARAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya, mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti di bawah Perkara 52 Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Tuan Haji Affandy bin Tun Haji Mohd. Fuad Stephens, Ahli dari Marudu, selama tempoh mesyuarat ini daripada 16hb Julai hingga 27hb Julai, 1984.

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAANLAPANGAN TERBANG SUBANG—
KARGO MERBAHAYA

I. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada satu kawasan penyimpanan khas di bahagian kargo Lapangan Terbang Subang bagi kargo

merbahaya, bagi contoh kargo-kargo radioactive, asid dan yang mudah terbakar; dan

- (a) jika kawasan sedemikian tidak wujud, jadi kenapa tidak sebagaimana terdapat baru-baru ini satu "alarm" disebabkan oleh kemungkinan kebocoran "white radium" di Lapangan Terbang Subang yang menunjukkan keperluannya mengadakan perlindungan yang berkecukupan bagi orang awam jika sekiranya berlaku kemalangan berkait dengan kargo-kargo merbahaya; dan
- (b) boleh dijadikan sebarang bahaya jika "capsule" yang mengandungi "white radium" itu di dalam peti pecah retak dan bocor.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Satu kawasan yang terbuka telah disediakan dikhaskan bagi menyimpan kargo-kargo merbahaya di gudang kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Subang. Walau bagaimanapun, tempat penyimpan kargo tersebut bukanlah menjadi satu kawasan yang boleh dikatakan dengan izin, ideal, oleh kerana gudang kargo yang sedia ada sentiasa sesak dengan pergerakan jentera yang menguruskan kargo-kargo udara. Saya sedar bahawa sebuah bangunan terminal kargo udara yang

moden mempunyai ke-
lengkapan ruang kurangan
ataupun vault yang berasingan
perlu diadakan bagi menyimpan
kargo-kargo merbahaya. Oleh
kerana ruang gudang kargo
yang sedia ada sangatlah terhad,
maka kelengkapan yang
sedemikian tidak diperolehi
setakat ini. Namun demikian,
apabila Bangunan Terminal
Kargo baru yang sedang dalam
pembinaan siap pada akhir
tahun 1985, kelengkapan-
kelengkapan termoden
termasuk ruang kurangan bagi
kargo merbahaya yang
berasingan akan disediakan.

- (b) Apa yang dikatakan radium
dalam soalan ini dan dalam
kejadian baru-baru ini di
Lapangan Terbang. Subang itu
adalah berbentuk pepejal dan
dimeteri dalam logam yang
ditampal dengan kukuh dalam
capsule aluminium. Memang
adalah sukar untuk radium ini
bocor walaupun capsule itu
retak. Oleh yang demikian,
radium ini boleh terkeluar dari
pasak logam jikalau capsule ini
terhempas pada barang yang
keras dan mungkin tertinggal
bersama-sama bahagian yang
rosak di atas lantai. Pada
lazimnya barang-barang seperti
ini hendaklah dibungkus
mengikut peraturan-peraturan
penerbangan antarabangsa.
Label-label di atas bungkusan
dan kenyataan-kenyataan
dalam dokumen penerbangan
dapat menunjukkan sama ada
kandungannya mengandungi
bahan radioactive ataupun
tidak, dengan itu tindakan-
tindakan keselamatan
sewajarnya dapat diambil dalam
masa pengangkutan dan juga
jika terjadi sesuatu
kemalangan.

PEPERANGAN IRAN-IRAQ

2. Tuan Abdul Rahman bin Suliman
minta Menteri Luar Negeri
menyatakan:

- (a) sejauh ini apakah kesan-kesan
peperangan Iran-Iraq ke atas
perpaduan umat Islam khususnya
di negara-negara Taluk; dan
- (b) kalau soal Kampuchea,
Malaysia telah memainkan
peranan begitu penting sekali,
apakah dalam perkara
peperangan Iran-Iraq ini
peranan yang telah dimainkan
oleh Malaysia. Adakah
Kerajaan berhasrat untuk
menjadi orang tengah ke arah,
pendamaian kepada kedua-dua
negara terlibat. Adakah
kemungkinan Kuala Lumpur
akan dijadikan tempat
perundingan pendamaian
tersebut.

Timbalan Menteri Luar Negeri
(Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh
Fadzir): Tuan Yang di-Pertua,
peperangan yang berlaku di antara
Iran-Iraq yang kini telah berlanjutan
dan memasuki bulan ke 45 sekarang,
memang tidak dapat dinafikan telah
mengakibatkan kesan-kesan yang
boleh menjejaskan perpaduan umat
Islam. Pertelingkahan ini telah
mengorbankan harta-benda dan
nyawa yang begitu banyak dan negara-
negara Islam seluruhnya berusaha
mencari jalan bagi mencapai satu
penyelesaian yang muktamad supaya
ianya tidak merebak ke negara-negara
teluk yang lain atau memberi peluang
kepada kuasa-kuasa besar untuk
campurtangan dalam pertikaian ini
yang boleh meruncingkan lagi
keadaan. Berdasarkan kepada faktor
inilah Sidang Kemuncak O.I.C. telah
memberi mandat kepada
Jawatankuasa Damai Islam yang
terdiri dari 8 negara anggota termasuk
Malaysia supaya berusaha mencari

penyelesaian kepada soal ini untuk mengekal perpaduan Islam seluruhnya.

Malaysia sebagai anggota Jawatankuasa Damai Islam sentiasa bersedia untuk memainkan peranan yang tegas dalam mencari penyelesaian masalah ini.

Kita telah menghadiri kesemua 8 Mesyuarat Jawatankuasa Damai Islam yang telah diadakan di mana Jawatankuasa ini telah merangka satu rancangan damai yang telah dikemukakan kepada kedua-dua belah pihak. Namun demikian, kedua-dua negara belum menunjukkan sebarang tanda ke arah perdamaian. Dalam hubungan ini Malaysia akan terus menyumbangkan peranan dan usahanya ke arah penyelesaian perang Iran-Iraq ini dalam konteks Jawatankuasa Damai Islam.

Kita juga bersedia untuk memainkan sebarang peranan yang konstruktif dalam konteks Jawatankuasa Islam ini yang boleh membawa perdamaian di antara kedua-dua buah negara tersebut.

Mesyuarat Jawatankuasa Damai Islam OIC yang telah dijadualkan pada 10hb Jun yang lalu telah tidak diadakan dan ianya telah ditunda dan telah pun bermula pada 18hb Julai kelmari di Jeddah, Saudi Arabia. Yang Berhormat Mulia Menteri Luar Negeri menghadiri mesyuarat ini sebagai wakil Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kita masih lagi menunggu keputusan mesyuarat ini.

Walau bagaimanapun, kita berharap mesyuarat ini dapat mengambil langkah tertentu ke arah satu penyelesaian mengenai peperangan tersebut.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Timbalan Menteri

Luar Negeri tadi bahawa negara-negara Islam sedang berusaha untuk mencapai perdamaian antara peperangan Iran/Iraq yang berlanjutan sehingga 4-5 bulan yang dinyatakan tadi. Bahawa kata beliau 8 buah negara Islam sahaja menganggotai Jawatankuasa Damai Islam atau OIC tadi. Di manakah lagi anggota-anggota negara-negara Islam yang begitu banyak tidak menganggotai dalam OIC Jawatankuasa Damai Islam tadi.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, OIC adalah persidangan negara-negara Islam iaitu satu persatuan yang merangkumi semua negara-negara Islam dalam dunia ini. Jawatankuasa Damai ini adalah satu jawatankuasa yang dilantik oleh OIC tadi. Jadi 8 buah negara ini adalah mewakili seluruh dunia Islam.

Tuan Sim Kwang Yang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Peperangan di antara Iran/Iraq bukanlah satu isu mengenai persoalan perpaduan di dalam negara-negara Islam sahaja tetapi satu ancaman tentang kestabilan dan keamanan dunia dan adalah dua keadaan yang mestilah membimbangkan masyarakat antarabangsa iaitu pertama penjualan senjata secara besar-besaran kepada Iran/Iraq dan kedua bom-bom yang berlaku kepada perkapalan saudagar civilian, dengan izin. Dan kedua-dua faktor ini akan mengancamkan untuk memperluaskan konflik itu ke arah konflik dunia.

Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh masyarakat antarabangsa untuk mengatasi masalah ini?

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, memang benarlah sebagaimana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi ini bukan sahaja merupakan masalah dunia Islam tetapi merupakan

satu masalah antarabangsa dan memang ikhtiar-ikhtiar sedang diambil dan telah pun diambil dan sedang diambil dan terus akan diambil dalam berbagai-bagai forum antarabangsa yang lain untuk menyumbang ke arah penyelesaian masalah ini. Malah berbagai-bagai tindakan telah pun diambil oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang telah pun memberi kuasa kepada Setiausaha Agungnya dan Setiausaha agungnya juga telah pun mengambil berbagai-bagai langkah ke arah penyelesaian masalah ini. Usaha-usaha ini terus menerus sedang dijalankan.

PEKERJA-PEKERJA INDONESIA— PENGHIJRAHAN

3. Dr Koh Tsu Koon minta Menteri Buruh menyatakan anggaran bilangan pekerja-pekerja penghijrah Indonesia di Semenanjung Malaysia pada 1-6-1984, mengikut sektor-sektor utama yang tertentu (ladang, pembinaan, perkilangan dan sebagainya). Setakat manakah sektor-sektor ini masih menghadapi masalah-masalah kekurangan tenaga buruh; adakah Kerajaan bercadang mengambil masuk lebih ramai pekerja penghijrah Indonesia pada dua tahun yang akan datang; jika ya, berapakah bilangannya dan dalam sektor-sektor mana; sejauh manakah kedatangan pekerja-pekerja penghijrah ini akan menjejaskan kebajikan pekerja-pekerja kita sendiri.

Timbalan Menteri Buruh (Datuk William Lye Chee Hien): Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu adalah dalam beberapa bahagian.

Bagi menjawab bahagian pertama, jumlah pekerja dari Indonesia pada bulan Jun 1984 yang telah dikeluarkan dengan pas kerja oleh pihak Imigresen adalah seramai 520 orang.

Jawapan kepada bahagian yang lain pertanyaan itu telah pun diliputi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri sekarang semasa beliau menjawab pertanyaan dari Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar dan lain-lain Ahli Yang Berhormat pada 16hb Julai dan tidak ada apa-apa yang hendak saya tambah lagi.

KEMELESETAN EKONOMI NEGARA

4. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Kewangan menyatakan adakah benar kemelesetan ekonomi negara yang beransur pulih sekarang ini tidak akan berterusan, tetapi sebaliknya kemelesetan akan berulang lebih teruk lagi pada tahun-tahun akan datang ini. Selanjutnya apakah langkah-langkah persediaan Kerajaan dalam menempoh saat kemelesetan akan datang ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum ekonomi negara kita ini adalah sebuah ekonomi yang terbuka di mana eksport dan importnya merupakan sebahagian besar daripada keluaran kasar negara. Oleh yang demikian keadaan ekonomi negara kita adalah sangat sensitif kepada perkembangan ekonomi antarabangsa terutama sekali bagi negara-negara yang mempunyai perhubungan perdagangan yang rapat dengan negara kita. Walaupun sekarang ini ekonomi antarabangsa sudah beransur pulih ada terdapat beberapa perkembangan yang tidak menyenangkan kita yang mungkin akan menggugat pemulihan ekonomi antarabangsa pada tahun ini dan juga tahun hadapan. Perkembangan yang kurang sihat ini adalah berhubung dengan dasar-dasar ekonomi dan kewangan negara-negara maju terutamanya Amerika Syarikat yang

mana telah mengakibatkan kadar faedah bank dan juga kadar pengangguran meningkat tinggi di negara-negara maju tersebut. Dasar-dasar ini juga telah mengakibatkan nilai matawang Amerika Syarikat meningkat lebih tinggi daripada yang dijangka dan ini mungkin akan memberi kesan yang agak buruk kepada kedudukan ekonomi negara-negara membangun terutama sekali bagi negara-negara membangun yang mempunyai banyak hutang luar negeri.

Jika dasar-dasar ini berlanjutan pada tahun ini maka ekonomi negara-negara membangun termasuk negara kita sendiri akan terjejas. Setakat ini pemulihan ekonomi antarabangsa yang sedang berlaku memberi kesan yang baik kepada ekonomi negara kita. Ini boleh dilihat daripada kemajuan yang telah dicapai di dalam akaun perdagangan negara kita di mana bagi tempoh 4 bulan pertama tahun ini Malaysia telah mencapai kelebihan perdagangan sebanyak \$1,657.5 juta dalam perdagangan dengan luar negeri berbanding dengan kekurangan sebanyak \$350 juta dalam tempoh yang sama dalam tahun yang lepas. Jika sekiranya pemulihan ekonomi antarabangsa ini berkekalan mungkin akaun perdagangan negara akan dapat kelebihan sebanyak \$3.7 ribu juta bagi tahun 1984.

Kerajaan sentiasa mengawasi perkembangan ekonomi negara untuk menentukan supaya ekonomi negara sentiasa berkembang dengan baik. Pada masa yang lalu Kerajaan telah mengambil tindakan bagi mengurangkan perbelanjaan dengan tujuan untuk mengukuhkan kedudukan kewangan Kerajaan dan memperbaiki imbalan pembayaran negara.

Di samping itu langkah-langkah lain telah juga diambil dalam belanjawan negara yang lalu seperti

mengurangkan pengimportan barang-barang dari luar terutama sekali barang-barang mewah dengan menaikkan cukai terhadap barang-barang mewah ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat seterusnya satu jawatankuasa sedang mengkaji cara-cara bagi memperbaiki pembayaran tak ketara (invisible payments). Di samping itu juga ada satu lagi jawatankuasa yang ditubuhkan khas untuk mengkaji cara-cara bagi memperbaiki kedudukan perdagangan dan pelaburan dengan tujuan memperbaiki kedudukan ekonomi dan imbalan pembayaran. Maka dengan adanya langkah-langkah ini, Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian adalah jelas bahawa Kerajaan sentiasa menumpukan perhatian yang berat bagi memastikan keadaan ekonomi kita bertambah baik lagi terutama sekali dari segi imbalan pembayaran.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan yang telah berusaha pada masa yang lepas untuk membetulkan kembali imbalan pembayaran perdagangan luar yang sekarang telah menunjukkan satu surplus yang amat baik, iaitu berjumlah \$1,657.5 juta dalam tempoh 4 bulan tahun ini berbanding dengan kekurangan berjumlah \$35 juta pada tempoh yang sama pada tahun yang lepas.

Saya ingin tahu selain daripada langkah-langkah yang diuraikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi apakah langkah-langkah tetap atau langkah secara jangka panjang yang akan diambil oleh Kerajaan untuk memastikan bahawa kita akan terus mengalami keadaan surplus dalam akaun perdagangan luar negeri kita dan imbalan bayaran kita tidak akan sentiasa tertakluk kepada

keadaan apa yang dikatakan, dengan izin, keadaan ekonomi yang "fragile" di antarabangsa?

Saya ingin tahu kiranya langkah-langkah yang dihuraikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi merupakan langkah sementara atau langkah *ad hoc* atau langkah kekal, langkah jangka panjang yang akan menjamin bahawa keadaan imbalan bayaran kita akan terus berada dalam keadaan yang baik pada masa depan.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, keadaan "fragile" ini agak sukar diperbaiki selagi negara kita merupakan sebuah negara yang bergantung sebahagian besarnya kepada perdagangan, terutama sekali dari segi pengeksporan. Ertinya masih akan tetap "fragile" dari segi kedudukan dan bergantung kepada perkembangan ekonomi seluruh dunia selagi kita terus merupakan sebuah negara yang mempunyai dasar ekonomi terbuka.

Dalam pada itu, bagi Kerajaan untuk memastikan imbalan pembayaran ini kurang bertambah buruk selain daripada yang saya sebutkan tadi yang mana kajian-kajiannya masih lagi sedang dibuat, di antaranya adalah dengan menggalakkan rakyat Malaysia sendiri mengurangkan penggunaan barang-barang import tetapi melebihikan mengguna barang-barang buatan kita sendiri, ini termasuklah Proton Saga yang saya sebutkan semalam. Selain daripada itu juga, saya difahamkan Kementerian yang berkenaan, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mungkin membuat kempen secara besar-besaran supaya, dengan izin, "Buy Malaysian" akan diteruskan supaya memberi kesedaran kepada semua orang menggunakan barang-barang kita termasuk ahli-ahli Pembangkang sekali.

Selain daripada itu juga, Kerajaan sentiasa menggalakkan kalau kita melancong misalnya, kalau boleh kita harus menaiki pesawat kita sendiri. Bagi Kerajaan misalannya, dibolehkan pegawai itu tunggu satu ataupun dua hari kalau sekiranya pesawat MAS tidak ada pada hari itu; tunggu satu-dua hari supaya mereka dapat menaiki pesawat MAS untuk pulang. Ini adalah satu daripada cara-cara yang dapat mengurangkan pengaliran matawang kita daripada negara.

Jadi, secara keseluruhannya peraturan-peraturan, nasihat-nasihat akan dikemukakan atau dikeluarkan sama ada kepada Jabatan-jabatan Kerajaan melalui surat-surat ataupun kepada orang ramai melalui ucapan-ucapan Menteri-menteri berkenaan dan sebagainya.

JALANRAYA KUALA SEPETANG—PEMBAIKAN

5. Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada beliau sedar bahawa jalan ke Kuala Sepetang, Daerah Larut dan Matang dua kali sebulan ditenggelami oleh air masin. Jika sedar, adakah beliau bercadang untuk meninggikan jalan tersebut.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat jalan tersebut pernah ditinggikan dalam tahun 1978 dengan perbelanjaan sebanyak \$447,000 tetapi disebabkan keadaan tanah yang lembut, pemendapan telah berlaku dan ia telah menyebabkan permukaan jalan tersebut turun lebih kurang 2 kaki. Dari pemendapan inilah menjadikan sebahagian jalan tersebut ditenggelami oleh air masin lebih kurang 1 kaki.

Sebagai langkah memperbaiki keadaan tersebut, pihak Kementerian saya akan menjalankan kerja-kerja

menambak di bahagian jalan berkenaan supaya ia tidak ditenggelami oleh air masin lagi. Kerja-kerja ini akan dijalankan dalam masa 3 bulan lagi dengan anggaran kos sebanyak \$½ juta. Pada masa ini urusan mengambil tawaran untuk kerja-kerja tersebut sedang dijalankan.

SCHOOL DROP-OUT— BILANGAN

6. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan memandangkan bilangan School "droup-out" dari kelas enam, Tingkatan Tiga dan Tingkatan Lima makin meningkat tiap tahun, adakah Kerajaan bercadang supaya satu Pelan Induk bagi pembangunan pemuda (Master Plan for Youth Development) dapat ditubuhkan supaya latihan dari segi fizikal, akademik, mental, perikemanusiaan, sains dan teknologi dapat diberikan kepada mereka bagi kemajuan negara.

Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri (Tuan Mustaffa bin Mohammad): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah pun menggubal Dasar Belia Negara yang boleh dijadikan panduan oleh semua agensi yang berkenaan dalam usaha mereka bagi mewujudkan program-program untuk belia lepasan sekolah dengan tujuan untuk menjadikan mereka anggota masyarakat yang bersatu padu, cintakan negara, berdisiplin dan bermoral tinggi, mahir dalam berbagai bidang kerja serta mampu memainkan peranan penting dalam segala-gala kerja pembangunan.

Bagi mencapai matlamat ini selaras dengan aspirasi dasar tersebut, maka Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah pun merancang program-program meliputi bidang latihan kepimpinan, latihan

vokasional, latihan niaga, bimbingan moral dan sivik dan juga projek-projek yang bercorak sosio ekonomi seperti Projek Belia Niaga, Projek Belia Tani, Projek Koperasi Belia, program pengembaraan belia, khemah-khemah kerja, lawatan-lawatan sambil belajar, kerja-kerja khidmat masyarakat, program-program bercorak kebudayaan dan sukan dan sebagainya. Program-program tersebut sudahpun dilaksanakan dengan giatnya dan usaha sentiasa dijalankan dengan teliti bagi meningkatkan program-program ini berdasarkan kepada kemampuan tenaga dan kewangan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah apa yang disebutkan tadi sebahagian daripada Dasar Pemuda Kebangsaan yang baru?

Tuan Mustaffa bin Mohammad: Sebagaimana yang saya sebutkan, Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan tadi bahawa Dasar Belia Negara yang digubal adalah bertujuan untuk menyelaraskan semua kegiatan-kegiatan latihan-latihan belia di semua agensi Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lim Liang Seng.

(Soalan No. 7 Y.B. Tuan Lim Liang Seng tidak hadir)

UNDANG-UNDANG KAMPUNG TERATUR

8. Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk mengadakan satu undang-undang bagi menentukan kedudukan rumah-rumah dan lain-lain bangunan di kampung-kampung teratur seperti juga di bandar-bandar.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada masa ini Kerajaan tidak mempunyai dan belum merancang satu undang-undang untuk menentukan penempatan atau kedudukan rumah-rumah dan lain-lain bangunan supaya teratur sepertimana yang terdapat di bandar-bandar. Walau bagaimanapun, bagi kampung-kampung tertentu yang terletak di dalam kawasan kawalan Penguasa-penguasa Tempatan, pembinaan dan penempatan rumah dan lain-lain bangunan adalah terus tertakluk kepada kehendak-kehendak undang-undang yang ditadbirkan oleh pihak Berkuasa Tempatan yang berhubung kait dengan pembinaan rumah dan bangunan.

Tuan Haji Seroji bin Haji Haron: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan tadi, adakah pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan berpuas hati dengan rangka bentuk rumah yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sekarang? Kalau tidak, adakah pihak Kementerian Yang Berhormat merancang untuk mengadakan satu rangka bentuk rumah yang lebih sesuai di segi bilik tidur, bilik makan dan bilik air dan lain-lain, terutama sekali di segi keselesaan kebersihan dan menekankan nilai-nilai Islam.

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian tidak ada apa-apa cadangan untuk memperbaiki lagi apa yang telah ada hari ini, tetapi sekiranya ada cadangan-cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat silalah kemukakan kepada Kementerian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Penguasa-penguasa Tempatan telah pun dibekalkan dengan beberapa pelan-pelan rumah untuk digunakan oleh mereka yang duduk di kawasan-kawasan yang dikawal oleh Penguasa-penguasa Tempatan itu dan silalah berhubung dengan Penguasa-penguasa Tempatan untuk mendapatkan pelan-pelan yang telah disediakan ini.

TAWARAN JUAL MURAH MELALUI IKLAN

9. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) dalam tahun ini berapa orang peniaga telah didakwa kerana sengaja mencari kesempatan untuk menipu melalui tawaran jualan murah melalui iklan-iklan yang menarik; dan
- (b) mengapakah apabila sesudah Persatuan-persatuan Pengguna bersungut di dalam akhbar-akhbar baharulah Bahagian Penguatkuasa Kementerian bertindak ke atas pekedai-pekedai yang menipu melalui tawaran jualan murah dan untuk masa hadapan, adakah beliau akan mengarahkan pegawai-pegawai penguatkuasa ini membuat pemeriksaan mengejut apabila mengetahui seseorang pekedai itu membuat tawaran jualan murah bagi menentukan yang tawaran itu adalah benar.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Oo Gin Sun): Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan (a) dalam tahun ini 5 kes atas kesalahan menawarkan barang-barang secara tawaran jual

murah yang mengelirukan telah diambil oleh Kementerian saya. Peniaga-peniaga yang terlibat akan didakwa di mahkamah tidak lama lagi.

Untuk menjawab soalan (b), adalah tidak benar bahawa Kementerian saya hanya bertindak terhadap peniaga-peniaga yang menawarkan jualan murah yang mengelirukan setelah Persatuan-persatuan Pengguna menyuarakan sungutan melalui akhbar-akhbar seperti yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat. Pegawai-pegawai Kementerian saya sentiasa mengadakan pemeriksaan mengejut di kedai-kedai yang mengiklankan jualan murah dari masa ke semasa untuk memastikan bahawa iklan-iklan ini adalah menepati takrif jualan murah yang sebenar. Hasil dari pemeriksaan itu menunjukkan bahawa kebanyakan tawaran jualan murah itu adalah benar. Sungutan dari Persatuan-persatuan Pengguna adalah salah satu dari sumber Bahagian Penguatkuasa Kementerian saya mendapatkan maklumat mengenai kegiatan yang tidak sihat ini dan semua aduan atau sungutan ini akan disiasat dengan sewajarnya.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pegawai-pegawai penguatkuasa di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ini cukup untuk melaksanakan tugas pemeriksaan kedai-kedai. Yang keduanya, sebagai memberikan insentif agar pegawai-pegawai penguatkuasa ini bekerja dengan penuh dedikasi lagi, tidakkah Kerajaan bercadang untuk memberikan sesuatu yang berbentuk imbuhan kepada pegawai-pegawai penguatkuasa ini yang berjaya membongkar dan membanteras penyelewengan-penyelewengan perniagaan dan perdagangan di dalam negara kita ini.

Tuan Oo Gin Sun: Tuan Yang di-Pertua, soalan pertama tadi pegawai-pegawai tidak mencukupi.

Berkenaan soalan (b) ini, Kementerian saya akan menimbangkan berkenaan insentif bagi pegawai-pegawai.

LAWATAN MENTERI LUAR NEGERI KE CHINA— PERBINCANGAN

10. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil positif yang telah dicapai semasa lawatan beliau ke Republik Rakyat China baru-baru ini yang bermaksud untuk menggalakkan lagi perhubungan antara Malaysia dan China.

19-7-84

28. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Luar Negeri menyatakan dalam lawatan rasminya ke Negeri China selama lapan hari mulai 29hb Mei, 1984, apakah perkara-perkara yang telah dirundingkan dengan pihak Kerajaan China dan apakah persetujuan-persetujuan yang telah dicapai oleh kedua-dua belah pihak dan dalam bidang apakah persetujuan tidak dapat dicapai serta apakah halangan-halangannya.

20-7-84

16. Tuan Newman Gaban minta Menteri Luar Negeri menyatakan tujuan-tujuan utama dan hasil lawatan beliau baru-baru ini ke Republik Rakyat China.

23-7-84

46. Tuan Ismail bin Arshad minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil-hasil lawatan

rombongannya ke Negeri China baru-baru ini dan apakah beliau yakin atas persetujuan dan perakuan yang dibuat oleh pemimpin negara tersebut terhadap pendirian dan sikap Malaysia di semua bidang.

49. Dr Chen Man Hin minta Menteri Luar Negeri memberi satu laporan mengenai lawatannya baru-baru ini ke China dan sama ada jaminan yang diberikan oleh China yang ia tidak akan membuat apa-apa untuk merosakkan kepentingan Malaysia menunjukkan terhadap perubahan dalam perhubungannya dengan Parti Komunis Malaya.

24-7-84

8. Tuan Hassan bin Haji Mohamed minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil lawatan beliau ke negeri China mengenai hubungan sosial, politik dan ekonomi kedua buah negara.

32. Dato' Michael Chen Wing Sum minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada lawatannya ke Negeri China baru-baru ini bersamaan dengan Ulangtahun Perhubungan Diplomatik yang kesepuluh dengan kedua-dua negara dapat dipertimbangkan berhasil dan berjaya dan jika ya, apakah telah dicapai dan apakah perkembangan dihadapkan di masa depan.

25-7-84

46. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Luar Negeri menyatakan tujuan lawatannya ke Republik Rakyat China baru-baru ini, perkara-perkara yang dibincangkan dan berapa daripada ini dipersetujui dan perkara-perkara yang tidak menerima kata sepakat dan juga nyatakan komposisi rombongannya itu.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana lawatan Yang Berhormat Menteri Luar ke Negeri China baru-baru ini telah menarik minat yang begitu meluas dari kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat, maka saya mohon izin untuk menjawab soalan ini secara yang lebih jelas. Bersama-sama jawapan ini, saya juga mohon izin untuk menjawab soalan-soalan yang berikut yang mana adalah lebih kurang sama maksudnya.

Pertama, soalan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam pada 19-7-84.

Kedua, soalan Ahli Yang Berhormat dari Bandau pada 20-7-1984.

Ketiga, soalan Ahli Yang Berhormat dari Jarai pada 23-7-1984.

Keempat, soalan Ahli Yang Berhormat dari Seremban pada 23-7-1984.

Kelima, soalan Ahli Yang Berhormat dari Beruas pada 24-7-1984.

Keenam, soalan Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang pada 24-7-1984.

Ketujuh, soalan Ahli Yang Berhormat dari Sandakan pada 25-7-1984.

Tuan Yang di-Pertua, semasa Yang Berhormat Menteri Luar melawat negeri China baru-baru ini beliau telah mengadakan perbincangan yang panjang lebar dengan pemimpin-pemimpin China mengenai beberapa isu penting termasuk hubungan politik dua hala, ekonomi dan hubungan antarabangsa. Dalam soal politik dua

hala isu paling penting yang dibangkitkan oleh kita ialah mengenai hubungan di antara parti dengan parti, antara Parti Komunis China dan apa yang dikatakan Parti Komunis Malaya (PKM).

Pihak kita telah memberitahu Setiausaha Agung Parti Komunis China iaitu Hoe Yoh Bang sejelas-jelasnya bahawa sokongan moral dan politik yang berterusan oleh Parti Komunis China terhadap Parti Komunis Malaya tidak dapat diterima sama sekali oleh Kerajaan dan rakyat Malaysia. Kita juga memberitahu bahawa Kerajaan Malaysia tidak akan mempersetujui sebarang peningkatan di dalam hubungan politik dua hala selagi Parti Komunis China terus mempunyai hubungan secara langsung atau tidak langsung dengan Parti Komunis Malaya.

Sungguhpun Setiausaha Agung Hoe enggan memutuskan hubungan dengan PKM beliau telah memberi jaminan bahawa China tidak akan melakukan sesuatu yang boleh mendatangkan mudarat kepada Malaysia. Sungguhpun begitu, Kerajaan tidak akan menerima sebarang tolak ansur mengenai hal ini selain dari pemutusan hubungan langsung di antara kedua buah badan itu. Pihak Malaysia telah membangkitkan soal lawatan tanpa kebenaran oleh rakyat Malaysia ke China juga.

Sebagaimana yang Dewan yang mulia ini sedia maklum, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Luar telah membincangkan isu ini dengan Menteri Luar China semasa lawatannya ke Malaysia tempoh hari. Sukacita saya memaklumkan bahawa selepas beberapa siri perbincangan dengan pihak China kita telah memperolehi jaminan dari Kerajaan China yang ia tidak akan

membenarkan rakyat Malaysia untuk melawat China sebelum mereka mendapat kelulusan dari pihak Kerajaan kita terlebih dahulu.

Mengenai isu-isu perdagangan dan ekonomi, Yang Berhormat Menteri Luar telah membangkitkan 3 perkara penting iaitu perdagangan terus, Dasar Ekonomi Baru Malaysia dan peluang-peluang perniagaan yang lebih banyak kepada rakyat Malaysia. Dalam soal perdagangan terus kita telah menyampaikan rasa dukacita Kerajaan Malaysia kerana Negeri China masih mengeksport barang-barang ke Malaysia melalui orang tengah di Hongkong dan Singapura tanpa menghiraukan syarikat-sarikat perdagangan Malaysia seperti PERNAS yang juga mewakili kaum Bumiputera dalam perdagangan Malaysia/China. Hasil dari perbincangan itu Kerajaan China sekarang telah bersetuju untuk memberikan perhatian yang lebih berat kepada isu-isu ini. Sebagai permulaan pihak China telah bersetuju untuk menjual barangan berharga lebihkurang US\$700.000 kepada PERNAS semasa lawatan Menteri Luar itu. Kerajaan akan mengambil beberapa langkah-langkah lagi untuk meningkatkan perdagangan secara terus dan menentukan juga agar hubungan ekonomi dan perdagangan kita dengan China berkembang selaras dengan kehendak Dasar Ekonomi Baru. Pihak negeri China juga telah bersetuju untuk memberikan peluang yang lebih besar kepada ahli-ahli perniagaan Malaysia di dalam rancangan pembangunan ekonomi China. Pihak negeri China telah menerima hujah kita supaya keutamaan diberikan kepada peniaga-peniaga Malaysia sekiranya mereka dapat menandingi pelabur-pelabur dari negara-negara lain. Selanjutnya mereka juga bersetuju untuk mengambil kira Dasar Ekonomi Baru kita semasa memberikan peluang

kepada peniaga-peniaga kita untuk mengambil bahagian di dalam rancangan ekonomi mereka

Saya merasa sangat sukacita untuk maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa semasa lawatan Menteri Luar itu syarikat-syarikat Malaysia telah menandatangani "Letters of Intent" untuk menjalankan projek-projek pembinaan berharga lebih dari US\$800 juta. Usaha kita ke arah ini telah menggambarkan betapa pentingnya konsep Persyarikatan Malaysia di mana pihak Kerajaan dan swasta berganding bahu untuk menembusi pasaran di negeri China dengan jayanya. Kerajaan akan memastikan bahawa penglibatan ini dijalankan dengan secara yang terkawal dan teratur supaya ia tidak akan mengancam kepentingan keselamatan negara dan rancangan pembangunan ekonomi kita.

Pihak negara kita juga telah membincangkan soal-soal dasar luar meliputi tajuk-tajuk seperti Kampuchea, Asia Barat, Hongkong, Korea dan hubungan Timur Barat. Saya tidak dapat menerangkan semua ini secara terperinci tetapi memadailah saya katakan bahawa negeri China menyokong sepenuhnya pendirian Malaysia di Kampuchea dan Asia Barat. Secara keseluruhannya saya menganggap lawatan Menteri itu sebagai sangat berjaya. Perbincangan Yang Berhormat Menteri Luar dengan pemimpin-pemimpin negeri China adalah sangat berguna dan telah membantu mereka untuk memahami pendirian kita dalam berbagai-bagai isu. Di sepanjang lawatan Menteri Luar itu pihak negeri China nampaknya bersungguh-sungguh dalam menyakinkan kita tentang niat untuk mengekalkan dan memupuk hubungan yang baik dan erat dengan Malaysia. Kita telah berterus-terang dengan mereka bahawa Malaysia akan

menghakimi kejujuran China melalui kelakuannya dan bukan kata-katanya.

Sebagai kesimpulan saya ingin mengatakan bahawa sungguhpun Kerajaan terus menganggap negeri China sebagai satu ancaman kerana hubungannya dengan PKM tetapi masih terdapat bidang-bidang lain seperti bidang ekonomi di mana kita boleh dan sedang bekerjasama dengannya untuk faedah bersama.

Tuan Lim Kit Siang: Semalam Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam perkara yang sama ada menyebutkan bahawa sebuah Jawatankuasa telah ditubuhkan untuk mengkaji hasil dan perakuan atau sikap-sikap yang baru kalau perlu mengenai hubungan Malaysia dan Negeri China. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan sama ada Jawatankuasa ini Jawatankuasa Kabinet atau Jawatankuasa Kementerian dan siapakah yang menjadi ahli-ahli dalam Jawatankuasa ini dan Terms of Reference yang sebenarnya Jawatankuasa ini?

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah lawatan kita yang pertama dalam segi di mana kita telah mendapati beberapa sikap-sikap yang positif dan keadaan-keadaan yang positif di Negeri China dan oleh sebab itu suatu Jawatankuasa telah pun ditubuhkan oleh Kabinet di Kementerian Luar Negeri yang dipengerusikan oleh saya sendiri untuk mengkaji bagaimana sikap-sikap, aspek-aspek positif dalam sikap Negeri China ini dan juga dasar-dasar yang ada sekarang ini dapat digunakan untuk memperluaskan peluang kepada peniaga-peniaga Malaysia pada keseluruhannya.

Jadi ini masih terlalu awal untuk menyatakan apakah mungkin keputusan-keputusan ataupun kesimpulan-kesimpulan yang kita akan mencapai nanti.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam saat-saat kita berusaha untuk meredakan ancaman China kepada kita, tahu-tahu Amerika telah menawarkan bantuan ketenteraan kepada China, tindakan ini merupakan satu kerja-kerja untuk mengukuhkan lagi ancaman dia kepada kita dan apakah tindakan kita terhadap kerja-kerja Amerika ini?

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, memang kita telah terasa bimbang sedikit mengenai sikap Amerika Syarikat untuk memberi bantuan-bantuan bersenjata kepada Negeri China dan kebimbangan kita ini kita sudah pun sampaikan kepada negara tersebut. Namun demikian, tidakan ini haruslah kita melihat dalam kontek atupun perspektif yang lebih luas lagi. Dan setakat ini kita tidak perlulah mengambil tindakan-tindakan yang lebih positif dari itu, lebih tegas dari itu kerana Amerika sendiri sedang pun mengambilkira perasaan bukan sahaja Malaysia tetapi perasaan ASEAN pada keseluruhannya dalam soal tersebut.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, apakah pengakuan yang diberi oleh Setiausaha Agung Parti komunis China, Hu Yaobang sebagaimana yang dikatakan tadi bahawa pihak Setiausaha Agung itu tidak akan memutuskan hubungannya dengan Parti Komunis Malaya? Apakah asas mereka yang diberikan kepada kita yang mereka itu tidak akan memutuskan hubungannya. apakah asas yang penting kerana Parti Komunis Malaya inilah memudaratkan negara kita? Jadi, kalau tidak ada asas yang penting pengakuannya yang tidak

memudaratkan negara kita ini adalah pengakuan yang tidak boleh diterima langsung.

Yang kedua, apakah keputusan Jawatankuasa yang kita bentuk tadi akan merupakan satu Jawatankuasa yang kita akan kemukakan segala perkara berkenaan politik, ekonomi kepada Negara China dan apakah kita meminta supaya Negeri China itu juga menubuhkan Jawatankuasanya mengkaji tentang kedudukan Parti Komunis China dengan hubungan Parti Komunis Malaya.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan pertama tadi ini kita memang tidak terima dan tidak akan terima jawapan yang diberi oleh Kerajaan Negeri China mengenai sebab-musabab yang mereka terus terpaksa mengadakan hubungan dengan apa yang dikatakan Parti Komunis Malaya. Mereka telah pun menggunakan asas-asas seperti bahawa kalau mereka memutuskan hubungan ini, ini akan menimbulkan International Complications dan sebagainya. Tetapi ini walaupun bagi mereka adalah alasan-alasan yang kuat, tetapi kita tidak boleh terima alasan ini.

Namun demikian, ada sedikit sebanyak perubahan dalam sikap Negara China. Misalnya, kalau dahulu mereka menyatakan mereka memberi sokongan moral dan politik terhadap Parti Komunis Malaya, sekarang mereka hanya menyatakan bahawa memberi simpati moral dan political sympathy kepada parti itu. Tetapi bagi kita masih tidak memuaskan lagi.

Mengenai soalan kedua tadi ini, ya, memang kita akan mengkaji segala sudut dalam soal memperluaskan hubungan kita dengan Negara China khususnya kita hendak mengambil peluang seluas-luasnya dari unsur-unsur positif sikap-sikap mereka dan

dasar-dasar mereka yang ada sekarang ini, tetapi Insya Allah, apa juga tindakan yang kita ambil untuk meluaskan hubungan kita, kita tetap akan mengambil kepentingan keselamatan negara kita dan juga kepentingan pencapaian objektif Dasar Ekonomi Baru.

MASALAH KEGAGALAN MURID-MURID SEKOLAH

11. **Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa banyak murid-murid sekolah yang telah gagal dalam peperiksaan tidak dapat meneruskan pelajaran mereka dan jika ya, sama ada Kerajaan akan menyediakan pekerjaan bagi murid-murid ini ataupun memasukkan mereka ke sekolah-sekolah vokasional supaya mereka tidak terlibat dengan penyalahgunaan dadah atau lain-lain kegiatan yang tidak sihat.

Menteri Pelajaran (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar masalah kegagalan murid-murid sekolah dalam peperiksaan tiap-tiap hujung tahun. Tetapi Kerajaan kita tidaklah dapat memberi jaminan supaya tiap-tiap murid yang gagal itu diberi peluang untuk bekerja ataupun untuk mendapat tempat dalam latihan lanjutan di sekolah-sekolah latihan yang diberikan oleh Kerajaan. Walau bagaimanapun, oleh sebab terdapat dalam Kerajaan, institusi-institusi latihan seperti yang dijalankan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, seperti yang dijalankan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, seperti yang dijalankan oleh Kementerian Pertanian dan berbagai-bagai lagi agensi Kerajaan, maka pelajar-pelajar yang gagal itu juga boleh meminta untuk melanjutkan pelajaran mereka di institusi-institusi ini.

Selain daripada itu juga, terdapat banyak lagi peluang-peluang untuk melanjutkan pelajaran di sekolah-sekolah persendirian yang memang banyak didapati di dalam negara kita.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya memang sedar bahawa selepas seseorang murid itu berhenti sekolah, tanggungjawab Kementerian Pelajaran terhadap murid-murid itu akan terlucut dengan sendirinya. Walau bagaimanapun, oleh kerana jumlah murid-murid yang tidak dapat menyambung pelajaran dan tidak dapat menerima apa-apa latihan terlampau besar sehingga menjadikan ianya satu masalah kebangsaan yang perlu diselesaikan oleh Kerajaan seluruhnya bukan oleh satu-satu Kementerian, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran kita yang baharu sama ada beliau bermaksud untuk merangka satu-satu program yang tersusun dan berterusan supaya murid-murid yang berhenti sekolah dan tidak dapat melanjutkan pelajaran, baik secara private atau tidak dapat menerima apa-apa latihan di institusi-institusi latihan anjuran Kementerian-kementerian lain, mengadakan satu program yang tersusun supaya murid-murid akan terus diawasi dan diletakkan di bawah satu pengawasan sesuatu agensi Kerajaan supaya masalah murid-murid ini akan dapat dibantu dari segi emosinya dan juga dari segi ekonominya sedikit sebanyak supaya ia tidak menjadi satu masalah yang akan bertambah besar di masa yang akan datang dan mungkin sukar untuk kita mengatasinya?

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut akui pandangan Ahli Yang Berhormat, iaitu masalah keciciran dan masalah bilangan murid yang begitu banyak yang gagal dalam peperiksaan-peperiksaan yang diadakan itu adalah masalah

kebangsaan sebenarnya. Masalah ini bukan hanya disedari oleh Kementerian Pelajaran, tetapi disedari oleh Kerajaan dan semua agensi-agensi yang ada kaitan dengan memberi peluang pekerjaan ataupun memberi latihan kemahiran ataupun separuh kemahiran kepada anak-anak muda lepasan sekolah iaitu yang keluar daripada sekolah sama ada sebagai murid-murid yang tercicir ataupun murid-murid yang tidak dapat meneruskan pelajaran selanjutnya kerana peluang-peluang itu sangat kurang.

Jadi bagi Kementerian Pelajaran, pada peringkat ini belum ada lagi sebarang rancangan untuk memberi bantuan ataupun untuk menempatkan pelajar-pelajar ini dalam institusi-institusi yang akan dapat mengawasi mereka sebagaimana Yang Berhormat nyatakan tadi kerana pada waktu ini dari segi pengawasan dan peluang yang ada itu adalah difikirkan sudah munasabah. Apa yang perlu diadakan ialah supaya rancangan-rancangan yang terdapat dalam Kementerian-kementerian yang lain dalam bidang latihan kemahiran dan latihan separuh kemahiran diluaskan sesuai dengan permintaan negara untuk mendapatkan pekerja-pekerja yang mahir dan separuh mahir dengan lebih ramai lagi. Saya percaya dengan adanya perluasan rancangan-rancangan ini maka ia akan dapat membantu juga ke arah menyelesaikan masalah yang timbul akibat daripada ramainya pelajar-pelajar kita yang gagal atau tercicir dari sekolah.

Tuan Othman bin Abdul: Selain dari masalah kegagalan, adakah pihak Kementerian sedar bahawa hampir seribu orang pemegang-pemegang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang mendapat keputusan cemerlang yang tidak dapat melanjutkan pelajaran ke institusi-institusi pengajian tinggi ataupun ke seberang laut akibat

daripada kecuai pentadbiran antara Kementerian Pelajaran dan pihak JPA. Apakah langkah-langkah Kerajaan dan Kementerian untuk menempatkan pemegang Sijil Pelajaran Malaysia ini yang cemerlang keputusannya supaya mereka tidak kerugian dari segi jangka masa pengajian mereka kerana saya mempunyai satu kes yang jelas di dalam perkara ini.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua saya tidak sedar yang katanya ada seribu orang yang mempunyai kelulusan SPM yang cemerlang yang tidak mendapat tempat untuk melanjutkan pelajaran tetapi berhubung dengan pemberian biasiswa, memanglah bilangan biasiswa yang dapat diberikan itu adalah terhad dan tidak semestinya biasiswa itu boleh dikeluarkan bagi tiap-tiap murid yang mendapat kelulusan yang baik ataupun yang cemerlang.

Walau bagaimanapun untuk tahun ini biasiswa-biasiswa yang dikeluarkan prosesnya itu belum selesai lagi kerana banyak agensi-agensi Kerajaan yang terlibat dengan pemberian biasiswa dan kita juga cuba mengkordinasikan pemberian biasiswa itu supaya tidak berlaku penindihan di mana seorang murid ditawarkan dua tiga biasiswa tetapi dengan adanya penyalarsan itu dan ini sebenarnya adalah menjadi satu rekomendesyen atau syor Jawatankuasa Hal Ehwal Pelajar yang saya pengerusikan itu maka saya percaya pengagihan ataupun pemberian biasiswa itu akan dapat dibuat dengan cara yang lebih baik dan akan dapat menolong ataupun dapat memberi jaminan sedikit supaya pelajar-pelajar kita yang mendapat kelulusan yang tinggi, yang baik dan berpotensi untuk berjaya, untuk mendapat kejayaan jika ia melanjutkan pelajaran tinggi itu diberi biasiswa ataupun dermasiswa, ataupun pinjaman Kerajaan.

PERTANIAN BERSEPADU— KEJAYAAN PROJEK

12. Tuan Haji Mohamed Amin bin Haji Daud minta Menteri Pertanian menyatakan sejauh mana perkembangan projek pertanian bersepadu yang dimulakan oleh Kerajaan beberapa ketika dahulu dan nyatakan kejayaan yang telah tercapai dari segi meninggikan mutu hidup meningkatkan ekonomi orang-orang kampung.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhut Wan): Tuan Yang di-Pertua, projek pertanian bersepadu kini berjumlah 15 buah yang terdapat sekurang-kurangnya satu di tiap-tiap buah negeri. Projek-projek ini berjaya mencapai matlamatnya untuk meningkatkan pengeluaran hasil pendapatan petani serta meninggikan taraf hidup petani melalui projek-projek pertanian yang telah dan sedang dilaksanakan seperti berikut:

Tanaman padi dua kali setahun, memulihkan sawah-sawah terbiar, projek tanaman buah-buahan, tanaman semula getah, tanaman selingan, tanaman sayur-sayuran, projek ternakan air (koca), projek ternakan kambing biri-biri dan lembu.

Petani-petani juga disediakan kemudahan asas pertanian dan tunjuk ajar pertanian melalui projek-projek perkembangan.

BALAK—POLISI DAN KAWALAN

13. Tuan Justine Jinggut minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan adakah Kementerian tersebut bercadang untuk mengubahkan polisi membalak di seluruh Malaysia. Ini adalah supaya penduduk-penduduk yang terlibat akan dapat faedah, iaitu dari segi

Premium, supaya mereka dapat membangunkan tanah mereka selepas balak itu habis satu hari nanti.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, sebagai Ahli Yang Berhormat berkenaan sedia maklum, mengikut Perlembagaan Persekutuan yang meletakkan perhutanan sebagai bidang kuasa Kerajaan Negeri, dasar pembalakan yang diamalkan oleh tiap-tiap negeri di Malaysia adalah selaras dengan hak Kerajaan Negeri berbuat demikian.

Walau bagaimanapun melalui Majlis Perhutanan Negara yang dianggotai oleh semua Kerajaan Negeri, Kementerian saya berusaha untuk mencapai keseragaman yang lebih mengenai pengurusan hutan dan peraturan-peraturan pembalakan untuk mendapat faedah yang maksima dari pembalakan kawasan hutan bagi rakyat dan negara kita.

Dalam hal ini saya berasa sukacita kerana Kerajaan-kerajaan Negeri sedang giat berusaha untuk memajukan sumber-sumber hutan melalui rancangan-rancangan silvikultur dan pemulihan hutan serta pembangunan ladang-ladang hutan bagi menjamin khazanah hutan kita terus mendatangkan hasil dalam masa berterusan.

TANAH TERBIAR— RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT

14. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron minta Menteri Pertanian menyatakan berapakah hektar tanah terbiar yang telah diusaha sepanjang rancangan Malaysia Keempat mengikut Negeri dan bagaimana prestasi rancangan ini.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, semenjak program pemulihan sawah terbiar dimulakan pada awal tahun 1982 sehingga ke tarikh 21hb Disember, 1983, seluas 12,439 hektar

atau 30,725 ekar telah berjaya dipulihkan di 8 buah negeri di Semenanjung Malaysia seperti berikut:

Pulau Pinang ..	3,764.5	hektar
Kelantan	4,610.6	..
Melaka	3,089.6	..
Perak	352.1	..
Negeri Sembilan	385.2	..
Pahang	117.8	..
Trengganu .. .	70.9	..
Perlis	48.6	..
Jumlah	12,439.3	..

Walau bagaimanapun, keluasan di atas tidak termasuk tanah terbiar bukan sawah yang mana pemulihannya diusahakan di bawah pengawasan atau pengendalian Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah.

Dari segi prestasi hampir keseluruhan kawasan yang telah dipulihkan ini diusahakan berterusan dan hasil dari projek-projek pemulihan ini juga menggalakkan dengan purata hasil di antara 1.235 gantang satu hektar ataupun 500 gantang satu ekar hingga 1,482 gantang satu hektar ataupun 600 gantang seekar.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Hassan Alban Haji Sandukong.

(Soalan No. 15 Y.B. Tuan Hassan Alban Haji Sandukong tidak hadir).

SIJIL PENGENALAN DARI HONG KONG KE MALAYSIA

16. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada benar bahwa Kerajaan telah mengharamkan kemasukan

pemegang-pemegang "Sijil Pengenalan" dari Hong Kong ke Malaysia jika benar, menyatakan sebab-sebab pengharaman tersebut.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kenyataan yang mengatakan bahawa Kerajaan telah mengharamkan kemasukan pemegang-pemegang sijil pengenalan dari Hong Kong ke Malaysia adalah tidak benar.

OYA/BELILING/BINTULU— JAMBATAN BARU

17. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Kerja Raya menyatakan tindakan yang telah dan akan diambil ke atas sebuah jambatan di Batu 52 Jalan Oya/Beliling/Bintulu yang telah rosak akibat dilalui oleh lori-lori balak yang membawa muatan berlebihan dan jika ya, apakah tindakan yang akan diambil lagi mengenai perkara ini.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar tentang masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Jambatan tersebut telah rosak akibat digunakan oleh lori-lori balak yang membawa muatan yang berlebihan.

Kerosakan ini telah dibaiki dan jambatan tersebut telah boleh digunakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos memperbaiki jambatan tersebut adalah sebanyak \$99,623. Pada masa ini Kementerian saya sedang dalam tindakan untuk menggantikan jambatan tersebut dengan sebuah jambatan kekal yang dianggarkan berharga setengah juta ringgit.

Tawaran untuk pembinaan tersebut akan dipanggil pada akhir tahun ini.

BERAS—KAWALAN HARGA

18. Tuan Othman bin Abdul minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) mengapakah keadaan harga beras seolah-olah tidak terkawal sekarang terutama di musim-musim perayaan;
- (b) baru-baru ini Ketua Pengarah Lembaga Padi dan Beras Negara telah mengeluarkan Surat Pekeliling mengarahkan supaya semua kira-kira dengan Bank Bumiputera ditutup dan hanya Malayan Banking sahaja digunakan. Mengapakah perkara ini boleh berlaku;
- (c) dua tahun lalu LPN telah membina 2 buah gudang, sebuah di Prai dan sebuah lagi di Negeri Sembilan. Gudang-gudang ini telah tidak digunakan hingga sekarang oleh pihak LPN. Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh LPN mengenai gudang-gudang itu; dan
- (d) satu masa dulu LPN juga telah memberi beberapa yunit pengering padi. Tetapi sebahagian besar dari alat-alat itu tidak digunakan dan apakah tindakan lanjut Kerajaan agar alat-alat itu tidak terbiar begitu sahaja.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Hussein bin Mahmud):

- (a) Adalah tidak benar mengatakan bahawa keadaan harga beras seolah-olah tidak terkawal walaupun di musim perayaan kerana paras harga beras yang ditetapkan itu adalah kekal.

Harga beras di sepanjang masa adalah mengikut harga kawalan seperti yang telah ditetapkan sejak tahun 1974. Meskipun begitu apa yang berlaku ialah perbuatan segelintir kecil peniaga-peniaga yang cuba mengambil kesempatan menaikkan harga di waktu berlaku permintaan yang banyak di musim-musim perayaan. LPN adalah sentiasa mengawas keadaan ini dengan membuat pemeriksaan harga serta menjamin bekalan beras yang cukup untuk sepanjang masa. segala aduan penyelewengan disiasat dan jika perlu tindakan undang-undang diambil.

- (b) LPN telah mengambil beberapa tindakan pentadbiran bagi memperkemarkan perkhidmatan operasinya. Tindakan-tindakan ini adalah melibatkan beberapa perubahan-perubahan termasuk dalam bidang penggunaan perkhidmatan bank perdagangan. Tindakan-tindakan pentadbiran ini dinilai semula apabila perlu dan ingin saya memaklumkan bahawa Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) pada awal tahun ini telah membuat keputusan supaya meneruskan penggunaan kemudahan Bank Bumiputera Malaysia Berhad dalam urusan-urusan operasinya. Usaha untuk mempelbagaikan perkhidmatan bank telah diperluaskan dalam tahun 1984 dengan membuka akaun dengan Bank Islam Berhad dan dengan ini jumlah bank yang telah dilangani oleh LPN ialah 10 buah semuanya termasuk Bank Bumiputera Malaysia Berhad.

- (c) Mengenai gudang-gudang LPN di Prai dan Seremban, sukacita dimaklumkan bahawa kedua-duanya telah digunakan. Gudang di Prai telah mula diduduki sejak Januari 1984 manakala gudang di Seremban sejak Julai 1983.
- (d) LPN telah membeli 50 unit "Moisture Extraction Unit" ataupun MEU sebagai persediaan menghadapi belian padi basah yang banyak dalam tahun 1982 dengan nilai \$1,947,670. Alat-alat ini hanyalah digunakan dalam masa-masa kegentingan seperti semasa pembelian padi basah yang banyak terutamanya di musim penuaian yang kedua; di mana kemudahan pengeringan biasa LPN tidak mencukupi untuk menyelamatkan padi basah yang tersebut itu. Pada masa di luar musim penuaian alat tersebut sememangnya tidak perlu digunakan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 7, 15 dan 19 hingga 48 adalah diberi di bawah ini).

HAMPAS RADIO AKTIF DI PAPAN

7. Tuan Lim Liang Seng minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan pemilihan kawasan Papan di Perak oleh Kerajaan sebagai tempat untuk membuang hampas radioaktif telah menjadi satu isu yang kontroversial, apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan untuk melegakan perasaan cemas dan kekhuatiran penduduk-penduduk di sekitar Papan itu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Datuk Dr James P. Ongkili): Bukanlah hasrat Kerajaan untuk merahsiakan projek seperti ini daripada pengetahuan umum. Sebaliknya semua maklumat teknikal telah pun diberikan untuk pengetahuan umum dan satu dialog telah diadakan dengan masyarakat tempatan untuk memberi penjelasan dan gambaran yang sebenar. Perbincangan telah juga diadakan dengan wakil-wakil dan pihak-pihak tertentu untuk mempertimbangkan pendapat dan kehendak yang dikemukakan. Tetapi adalah didapati masih ada pihak-pihak yang mempunyai kepentingan sendiri yang menyebarkan maklumat-maklumat yang tidak tepat yang bertujuan menyemai rasa takut dan ragu di kalangan orang awam. Kerajaan akan terus berusaha memberi penerangan menerusi sebaran am bagi mengelakkan perasaan cemas dan takut yang mungkin telah timbul.

PELAJAR SABAH DI AMERIKA

15. Tuan Hassan Alban Haji Sandukong minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah sebabnya Jabatan penuntut-penuntut Malaysia (Malaysian Student Department) di Amerika Syarikat tidak menerima pelajar-pelajar Sabah yang dibiayai oleh Biasiswa Negeri Sabah untuk menjadi ahli di Jabatan tersebut.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Jabatan Penuntut Malaysia Amerika Syarikat bertanggungjawab terhadap semua pelajar-pelajar anjuran Kerajaan dari Malaysia termasuk pelajar-pelajar dari Sabah dalam mengendalikan hal-hal termasuk kebajikan, penempatan, kaunseling dan lain-lain hal berkenaan dengan mereka. Pelajar-pelajar tersebut tidak perlu menjadi ahli dalam Jabatan tersebut untuk mendapatkan kemudahan-kemudahan seperti yang disebutkan tadi.

Tiap-tiap pelajar, termasuk pelajar-pelajar dari Sabah yang telah diberi biasiswa oleh Kerajaan Negeri perlu mendaftarkan diri di Jabatan Penuntut Malaysia. Tindakan ini adalah wajib sekiranya pihak Negeri Sabah meminta Jabatan Penuntut Malaysia Amerika Syarikat melakukan pembayaran biasiswa dan lain-lain pembayaran kepada mereka. Oleh yang demikian, mungkin dalam keadaan yang disebutkan oleh Yang Berhormat ini biasiswa pelajar-pelajar tersebut dibayar terus oleh Kerajaan Negeri kepada pelajar-pelajar anjurannya dan tidak melalui Jabatan Penuntut Malaysia.

KEROSAKAN JALANRAYA TELUK INTAN— BAGAN DATOH

19. Tuan Yahya bin Haji Zakaria minta Menteri Kerja Raya menyatakan perancangan yang sebenarnya untuk membaiki Jalanraya daripada Teluk Intan ke Bagan Datoh, dan kenapakah Jabatan Kerja Raya melambatkan kerja-kerja membaiki kerosakan di jalanraya tersebut, serta adalah Yang Berhormat Menteri menyedari bahawa beberapa kemalangan telah berlaku disebabkan jalan-jalan yang berlubang-lubang dan berlopak yang tidak dibaiki dengan segera oleh pihak J.K.R.

Dato' S. Samy Vellu: Untuk mekluman Ahli Yang Berhormat, pada masa sekarang kerja-kerja membaiki kerosakan jalanraya dari Teluk Intan ke Bagan Datoh belum dapat dijalankan, oleh kerana pada masa ini kerja-kerja memasang paip air di sepanjang jalanraya tersebut adalah sedang dijalankan. Adalah dijangka kerja-kerja memasang paip air ini akan siap dalam bulan Oktober 1984. Sebaik sahaja kerja-kerja pemasangan paip air tersebut selesai, Kementerian saya akan menjalankan kerja-kerja membaiki jalanraya tersebut.

Kementerian saya sedar, ada beberapa kemalangan telah berlaku di sepanjang jalanraya tersebut. Sebagai langkah untuk membaiki keadaan, papan-papan tanda yang sesuai dan mencukupi telah pun dipasang di sepanjang jalanraya tersebut bagi memberi amaran kepada pemandu-pemandu supaya lebih berhati-hati ketika memandu di jalanraya tersebut.

SYARIKAT KEWANGAN DI MALAYSIA—KAWALAN

20. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sama ada pihak Kementerian mempunyai pengawasan yang rapi dan cukup terhadap-syarikat-syarikat kewangan (Finance Companies) yang berlesen di negara kita;
- (b) jika ya, apakah langkah-langkah yang diambil serta apakah rancangan-rancangan yang baru yang akan dibuat bagi mengetatkan aktiviti-aktiviti syarikat-syarikat ini;
- (c) dalam jangka masa lima tahun kebelakangan ini berapa banyakkah aduan-aduan yang diterima daripada orang ramai berkenaan dengan aktiviti-aktiviti syarikat kewangan oleh pihak Kementerian.

Dato' Sabbaruddin Chik: Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, syarikat-syarikat kewangan di Malaysia adalah dilesenkan di bawah Akta Syarikat-syarikat Kewangan 1969. Oleh yang demikian, kesemua syarikat-syarikat kewangan yang berlesen adalah dikawal oleh peruntukan-peruntukan Akta tersebut. Operasi syarikat-syarikat kewangan adalah diawasi oleh Bank Negara Malaysia, yang membuat laporan kepada Menteri Kewangan dari masa ke semasa. Pengawasan dan kawalan ke atas aktiviti-aktiviti

syarikat kewangan adalah dijalankan melalui laporan-laporan yang wajib dibuat oleh institusi berkenaan dalam masa-masa yang ditetapkan dan dihantarkan kepada Bank Negara. Di samping itu, Bank Negara juga menjalankan pemeriksaan ke atas operasi institusi-institusi tersebut. Arahan-arahan juga dikeluarkan kepada syarikat-syarikat kewangan dari masa ke semasa untuk mengawal kegiatan-kegiatan mereka.

Aduan daripada orang ramai yang telah diterima tidaklah begitu banyak. Biasanya aduan tersebut adalah mengenai cara bagaimana kadar faedah dikenakan dan mengenai perkhidmatan yang tidak memuaskan. Bank Negara menyiasat semua aduan-aduan yang diterima itu dan di mana perlu mengarahkan institusi-institusi berkenaan untuk memperbaiki perkhidmatan mereka.

BUKU SEJARAH PERJUANGAN KEMERDEKAAN MALAYSIA

21. Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah pihak Dewan Bahasa dan Pustaka akan menerbitkan buku Sejarah Perjuangan Kemerdekaan Malaysia yang lebih lengkap dan tepat dengan fakta-fakta sejarah sewaktu masih ramai lagi tokoh-tokoh pejuang kemerdekaan hidup dan berupaya di seluruh tanah air.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dewan Bahasa dan Pustaka memang ada menerbitkan beberapa buah buku yang berkaitan dengan perjuangan orang Melayu menentang penjajahan dan menuntut kemerdekaan tetapi buku Sejarah Perjuangan Kemerdekaan Malaysia secara lebih khusus dan lengkap belum ada. Bagaimanapun, Dewan Bahasa dan Pustaka akan mengadakan perundingan dengan tokoh-tokoh dan

ahli sejarah tanah air untuk merancang projek penerbitan buku ini. Buku ini dijangka akan dapat diterbitkan dalam tempoh antara 3 hingga 4 tahun dari sekarang. Projek ini dianggap besar dan memerlukan kerjasama dan penglibatan berbagai pihak yang dianggap pakar dalam penulisan Sejarah.

SEKOLAH RENDAH KERAJAAN DI BEAUFORT DITUTUP AKIBAT BANJIR

22. Tuan Mohd. Yusof bin Haji Yakob minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa beberapa buah sekolah rendah Kerajaan di Daerah Beaufort terpaksa ditutup selama beberapa bulan akibat banjir yang berlaku di Daerah tersebut. Jika ya, apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan beliau untuk memastikan supaya murid-murid sekolah berkenaan akan dapat meneruskan pelajaran mereka memandangkan bahawa peperiksaan penilaian Darjah V akan diadakan tidak lama lagi.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Kementerian memang sedar bahawa beberapa buah sekolah Rendah Kerajaan di Daerah Beaufort terpaksa ditutup akibat banjir yang berlaku di Daerah tersebut. Walau bagaimanapun sekolah-sekolah yang terlibat telah ditutup untuk beberapa hari sahaja dan tidak beberapa bulan seperti yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Untuk memastikan supaya murid-murid Darjah V di sekolah-sekolah yang terlibat dapat meneruskan pelajaran mereka, kelas-kelas hari Sabtu telah diadakan untuk menggantikan hari-hari persekolahan yang tidak dapat diadakan kerana banjir.

SUBSIDI PERBEKALAN SUSU DI SEKOLAH

23. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa banyakkah peruntukan yang disediakan untuk subsidi perbekalan susu di sekolah-sekolah dalam setiap tahun bagi tahun 1981, 1982, 1983 dan 1984. Sila butirkan:

- (a) Untuk berapa lamakah sekim bantuan ini akan dilanjutkan;
- (b) Jenis dan kategori sekolah yang diberi keutamaan dalam pelaksanaan sekim ini; dan
- (c) Jenis susu dan nama syarikat-syarikat yang dipilih untuk membekalkan susu yang berkenaan.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Peruntukan wang yang telah disediakan bagi bekalan susu ke sekolah-sekolah adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah
1981	1.8 juta ringgit
1982	2.4 juta ringgit
1983	0.3 juta ringgit
1984	3.4 juta ringgit

(a) Sekim perbekalan susu ini akan dilanjutkan secara berterusan.

(b) Sekolah-sekolah yang diberi keutamaan untuk menyertai Projek ini adalah sekolah-sekolah rendah yang bilangan muridnya lebih daripada 200 orang. Di sekolah-sekolah kecil, iaitu, bilangan muridnya kurang daripada 200 orang, Rancangan Makanan Tambahan dengan menggunakan bahan-bahan makanan tempatan selain dari susu lembu adalah diadakan.

(c) Jenis susu yang sedang digunakan adalah susu perasa coklat yang diproses dari susu bancuhan semula atau pun susu segar. Dua cara memproses susu adalah digunakan, iaitu proses 'Pasteurisation' dan proses 'Ultra High Temperature' atau UHT.

Nama syarikat-syarikat yang terlibat seperti berikut:

Jenis Susu

Syarikat	Sumber	Prosesnya
1. Cold Storage	Bancuhan semula	UHT
2. Dairy Maid	Bancuhan semula	Pastur
3. Dutch Baby	Bancuhan semula/segar	UHT
4. Malaysia Milk	Bancuhan semula	UHT
5. New Zealand Milk	Bancuhan semula	UHT
6. Nupro	Bancuhan semula	UHT
7. Sehat	Bancuhan semula	UHT

Syarikat Susu Lembu Asli yang menggunakan susu segar yang diproses secara "Pasteurisation" telah tamat bekalannya pada akhir bulan Jun 1984.

PENGANGGURAN GRADUAN LEPASAN UNIVERSITI

24. Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah jumlah graduan-graduan yang tamat dari Universiti-universiti dalam dan luar negeri bagi tahun 1983 dan awal 1984. Dari bilangan tersebut, berapa ramaikah yang masih menganggur. Apakah langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan bagi menyediakan pekerjaan-pekerjaan yang sesuai dengan kelulusan mereka supaya masalah pengangguran di kalangan mereka ini dapat diatasi.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Jumlah graduan-graduan yang tamat daripada Universiti-universiti tempatan bagi tahun 1983 adalah berjumlah 6,040 orang. Bagi tahun 1984, jumlah graduan yang akan tamat pengajian daripada Universiti-universiti tempatan ialah lebih kurang 6,500 orang.

Oleh kerana pelajar-pelajar yang menuntut di luar negeri itu adalah kebanyakannya pelajar-pelajar sendiri, maka maklumat mengenai jumlah graduan yang akan kembali dari luar negeri itu adalah sukar di perolehi dan tidak dimaklumkan sekarang. Kementerian juga tidak dapat maklumat yang tepat mengenai bilangan graduan yang menganggur setelah tamat pengajian daripada Universiti dalam ataupun dari luar negeri bagi tahun 1983 dan awal 1984.

Sudah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk menyediakan tempat-tempat pengajian tinggi yang secukupnya dan bagi graduan-graduan yang telah tamat pengajian mereka

perluah mencari pekerjaan mereka sendiri. Setakat ini, masalah pengangguran siswazah tidaklah begitu besar dan pekerjaan-pekerjaan masih ada asalkan graduan-graduan itu tidak sangat memilih pekerjaan.

CEK DALAM BAHASA MALAYSIA

25. Dato Michael Chen Wing Sum minta Menteri Kewangan menyatakan adakah polisi Kerajaan bahawa tiada Jabatan Kerajaan akan menerima cek bagi bayaran cukai, cukai pintu, dan lain-lain jika cek itu ditulis dalam Bahasa Cina atau Tamil atau dalam lain-lain Bahasa kecuali dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.

Dato' Sabbaruddin Chik: Kebanyakan cek-cek bagi kutipan Hasil atau bagi lain-lain bayaran yang diterima oleh Kerajaan adalah ditulis dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris, tetapi cek yang ditulis dalam Bahasa Cina dan Tamil adalah juga diterima. Oleh kerana bukan semua kaunter pungutan Kerajaan mempunyai pegawai yang faham dalam bahasa selain daripada Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris, maka kebanyakan Jabatan-jabatan Kerajaan meminta kerjasama orang awam supaya menulis cek mereka dalam Bahasa Malaysia. Ini juga untuk menggalakkan penggunaan Bahasa Malaysia di negara kita.

Setakat ini tiada arahan dikeluarkan oleh Kerajaan bagi menghentikan penerimaan cek-cek yang ditulis selain dari dalam Bahasa Malaysia atau Inggeris.

CARCOSA—MEMULANGKAN KEPADA KERAJAAN

26. Tuan Karpal Singh minta Menteri Luar Negeri menerangkan sebab-sebab yang membawa kepada

kerajaan memulangkan "CARCOSA" kepada Kerajaan Malaysia.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama soalan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam pada 25-7-1984 kerana soalannya adalah sama atau hampir sama dengan soalan ini.

Keputusan untuk mengembalikan CARCOSA kepada Malaysia telah dibuat secara sukarela oleh Kerajaan British dan ianya tidak tertakluk kepada apa-apa syarat. Dalam suatu kenyataan akhbar pada 14-5-1984 pihak British telah menjelaskan bahawa pada pendapat mereka, masanya telah tiba bagi mereka memulangkan CARCOSA kepada rakyat Malaysia. Sebagai tanda menyambut baik keputusan pihak British ini, Kerajaan telah mengambil keputusan untuk memberi sebidang tanah kepada pihak British untuk membolehkan mereka membina kompleks pejabat Canseri mereka yang baru di Kuala Lumpur.

Saya percaya bahawa keputusan Kerajaan British ini akan mencerminkan hubungan dua-hala antara Malaysia dan British yang sebenarnya, yang pada masa ini berasaskan kepada prinsip-prinsip persamaan dan saling hormat-menghormati.

BERAS—GRED DI PASARAN

27. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa beras yang terdapat di pasaran adalah kurang memuaskan mutunya;
- (b) sama ada beliau sedar harga beras adalah melebihi paras yang berpatutan; dan

(c) apakah langkah-langkah untuk membela kepentingan pengguna-penggunanya.

Tuan Hussein bin Mahmud:

(a) Beras di pasaran terdiri dari beberapa gred iaitu gred tinggi dan rendah seperti gred A1 dan B1 bagi kumpulan gred tinggi dan gred A3, A4, B3 dan B4 bagi kumpulan gred rendah. Perkara ini adalah diperuntukan di dalam Perintah Kawalan Harga Beras 1974.

Kerajaan memang sedar bahawa terdapat sebilangan kecil peniaga-peniaga beras pada masa-masa tertentu mengambil kesempatan menjual beras tidak mengikut gred yang ditetapkan. Bagi mengatasi masalah ini LPN sentiasa mengadakan pemeriksaan ke atas peniaga-peniaga berkenaan di samping mengadakan bekalan beras yang mencukupi di pasaran.

- (b) Bahagian (b) soalan ini telah saya jawab pada 17/7/1984.
- (c) Kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah untuk menjamin kepentingan pengguna-pengguna khususnya dari segi bekalan dan harga beras. Bagi tujuan ini, Kerajaan sendiri menyimpan stok beras yang mencukupi dan juga memastikan pada setiap masa harga beras adalah diperingkat harga kawalan. Penguatkuasaan Perintah Kawalan Harga Beras 1974 adalah jelas membuktikan hasrat Kerajaan menjamin kepentingan pengguna dari segi harga. Kerajaan telah menaikkan harga padi serta memberikan subsidi harga oleh kerana kos pengeluaran yang meningkat. Walau bagaimanapun kepentingan pengguna tidak terjejas dengan

kenaikan harga padi ini oleh kerana harga beras masih dikekalkan di peringkat sepertimana telah ditentukan dalam tahun 1974. Di samping itu, beras yang diimport juga yang harganya sering turun naik tetapi kerap melebihi harga pasaran tempatan telah juga dikekalkan harga jualannya selari dengan harga kawalan. Ini bermakna pengguna-pengguna telah menikmati subsidi dari Kerajaan di atas harga beras yang mereka bayar.

LEBUHRAYA— PERANCANGAN PEMBINAAN

29. Tuan Haji Mohamed Amin bin Haji Daud minta Menteri Kerjaraya menyatakantindakanyangtelahdiambil untuk menentukan bahawa perancangan bagi pembinaan lebuhraya pada masa akan datang betul-betul lengkap dan menyeluruh supaya lebuhraya yang akan dibina nanti tidak akan mengalami kerosakan yang kemudian akan memaksa kerajaan mengeluarkan belanja yang lebih besar bagi membina semula lebuhraya itu sepertimana yang berlaku pada Lebuhraya Kuala Lumpur/Seremban dan Kuantan/Segamat.

Dato' S. Samy Vellu: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebelum sesebuah Lebuhraya itu dibina. Kementerian saya akan membuat kajian terperinci terlebih dahulu. Melalui kajian ini, rekabentuk lebuhraya dan cara pembinaannya ditentukan. Perancangan awal seperti ini adalah bertujuan untuk memastikan lebuhraya yang akan dibina itu benar-benar mempunyai taraf yang dikehendaki. Walau bagaimana pun, kadang kala segala perancangan awal ini tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya, disebabkan oleh kewangan yang terbatas. Ini menyebabkan setengah lebuhraya yang dibina oleh Kementerian saya dilaksanakan pembinaannya secara

pembinaan berperingkat, iaitu cara pembinaan yang bertujuan menjimatkan belanja dan kerja-kerja menaikkan tarafnya akan dilakukan beberapa tahun kemudian.

Mengenai lebuhraya Kuala Lumpur—Seremban dan Kuantan—Segamat yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, sukalah saya memaklumkan bahawa salah satu sebab kerosakan yang dialami oleh lebuhraya-lebuhraya tersebut adalah disebabkan oleh pembinaan berperingkat yang tidak menepati jadual. Apa yang berlaku ialah walaupun telah tiba masa untuk menaikkan taraf lebuhraya tersebut, tetapi disebabkan masalah kewangan, tindakan tersebut tidak dapat diambil.

Selain dari itu, sebab lain yang membawa kerosakan lebuhraya-lebuhraya tersebut ialah kerana kajian tanah di kawasan-kawasan yang disyaki akan menimbulkan masalah telah tidak dibuat dengan terperinci, tetapi hanya dibuat kajian secara rambang (sampling) sahaja untuk mengelakkan perbelanjaan yang tinggi. Oleh hal yang demikian itu, maka timbullah masalah-masalah seperti sebahagian daripada jalan-jalan itu runtuh dan sebagainya.

Oleh hal yang demikian itu, Kementerian saya bercadang tidak akan menjalankan pembinaan lebuhraya-lebuhraya dengan cara berperingkat-peringkat seperti yang pernah dilakukan pada masa dahulu itu, dengan syarat peruntukan yang sepenuhnya dapat diadakan. Ini bermakna segala perancangan rekabentuk dan cara pembinaan akan dibuat mengikut apa yang sepatutnya dikehendaki dijalankan di dalam membina lebuhraya-lebuhraya itu. Selain daripada itu, kerja-kerja kajian tanah akan juga dilakukan dengan lebih terperinci dan jika perlu, nasihat dari Jabatan Geoloji akan juga diperolehi untuk menentukan kedudukan kawasan-kawasan tanah yang berkenaan itu.

CEK DALAM BAHASA MALAYSIA

30. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sebab mengapa cek-cek yang tidak ditulis dalam Bahasa Malaysia tidak diterima oleh Jabatan Telekom dan Pos; sama ada beliau sedar ini telah menimbulkan kesulitan kepada orang-orang yang tidak tahu menulis Bahasa Malaysia khususnya orang-orang tua; jika ya, sama ada Kerajaan akan membatalkan peraturan barunya itu dan sama ada peraturan yang menghendaki cek-cek dalam Bahasa Malaysia sahaja telah diluluskan oleh Jumaah Menteri.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Saya sungguh hairan mengapa Yang Berhormat dari Sandakan membangkitkan soalan ini kerana sebenarnya tidak ada apa-apa perubahan yang telah berlaku berhubung dengan penerimaan cek-cek sama ada oleh Jabatan Telekom mahupun Jabatan Perkhidmatan Pos.

PENGELUARAN MELALUI AUTOMATION—GALAKAN

31. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau akan menimbang memberi insentif kepada industri-industri yang ingin menggunakan "automation" khususnya "robot" untuk meninggikan pengeluaran memandangkan penambahan kesusahan dalam memperolehi buruh dan jika ya, apakah insenti ini dan jika tidak, bagaimana Kerajaan ingin memasuki ke industri-industri teknologi tinggi yang mahal modalnya dan sektor industri-industri swasta nyata tidak mampu tanpa bantuan Kerajaan.

Tuan Oo Gin Sun: Syarikat-syarikat yang ingin memoden proses pengeluaran melalui "automation"

layak dipertimbangkan untuk mendapat Galakan Elaun Susutan dipercepatkan di bawah Akta Cukai Pendapatan. Dengan galakan ini syarikat dibenarkan menghapuskan kos loji dan jentera yang digunakan dalam tempoh satu tahun. Di samping itu jika "automation" tersebut melibatkan tambahan keupayaan pengeluaran, dan jika pembesaran ini diluluskan oleh Kementerian, syarikat layak dipertimbangkan untuk mendapat Galakan Elaun Pelaburan Semula. Sukalah dijelaskan bahawa tempoh tamat galakan ini berakhir pada tahun 1985.

Mengenai penglibatan Kerajaan dalam industri yang teknologi tinggi, sukalah dimaklumkan bahawa Kerajaan melalui HICOM telah menubuhkan projek industri berat yang berteknologi tinggi. Di samping itu Kerajaan sentiasa menggalakkan sektor swasta untuk menubuhkan industri berteknologi tinggi melalui pemberian berbagai jenis galakan seperti Taraf Perintis, Kredit Cukai Pelaburan, Galakan Tempat Kedudukan, Galakan Menggunakan Buruh seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Galakan Pelaburan, 1968.

TV3—SIARAN DIPERLUASKAN

32. Tuan Ling Sie Meng minta Menteri Penerangan menyatakan bilakah Saluran Televisyen Ketiga akan diperluaskan ke Negeri Sarawak dan Sabah; jika tidak, mengapa.

Menteri Penerangan (Dato' Rais Yatim): Saya memohon izin untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan-soalan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kawasan Seremban, Kawasan Bandar Kuching dan Kawasan Batang Padang memandangkan ke semua soalan ini adalah berkaitan.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum siaran TV3 masih lagi diperingkat permulaan. Siaran TV3

yang dikendalikan oleh Sistem Televisyen Malaysia Berhad baru ke udara pada 1hb Jun, 1984 yang lepas dan akan hanya dilancarkan secara rasmi pada permulaan tahun depan. Oleh yang demikian soalan bilakah siaran TV3 akan diperluaskan ke lain-lain tempat akan hanya dapat diputuskan selepas kerajaan mengkaji segala implikasi siaran TV 3 di kawasan Wilayah Persekutuan dan Lembah Kelang itu.

TV 3—SIARAN DIPERLUASKAN

33. Dr Chen Man Hin minta Menteri Penerangan menyatakan pandangan kepopularan TV3 sama ada dan bilakah TV3 akan disiarkan di peringkat nasional bukan setakat terhad kepada Lembah Kelang sahaja seperti sekarang.

Dato' Rais Yatim: Saya telah pun menjawab soalan ini bersama soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Sibu tadi. Saya tidak bercadang menambahkan apa-apa lagi.

(Soalan No. 34 dijawab pada 18-7-84)

TV3—RANCANGAN SECARA NASIONAL

35. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang menghendaki TV3 menyiarkan rancangan secara nasional supaya semua rakyat Malaysia boleh menikmati sebuah stesyen komersial TV swasta, bertambahan kepada saluran 1 dan 2 RTM.

Dato' Rais Yatim: Saya telah pun menjawab soalan ini bersama soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Sibu tadi. Saya tidak bercadang menambahkan apa-apa lagi.

KEMATIAN PUAN TAN SIEW KEE

36. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada memandangkan keputusan-keputusan dari Pegawai Penyelidik kematian Puan Tan Siew Kee, sama ada Kerajaan bercadang untuk mendakwa Konstabel Arul yang didapati telah menyebabkan kematian Puan Tan Siew Kee dengan senjatapi akibat kecuaiannya.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Peguam Negara belum lagi menerima keputusan, dengan izin 'fiding' daripada Pegawai Penyelidik (Koroner) mengenai kes tersebut. Langkah-langkah hanya boleh diambil selepas menerima arahan-arahan dari Peguam Negara.

PEMBUNYAHAN DI KAMPUNG BARU, RAUB

37. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan hasil penyiasatan polis ke dalam pembunuhan negeri empat orang penduduk Kampung Baru Cheroh di Sungai Mas pada 23hb Mei, 1984 dan apakah langkah-langkah yang di ambil oleh pihak berkuasa untuk memulihkan keyakinan penduduk-penduduk terhadap pasukan keselamatan di Cheroh dan di seluruh daerah Raub.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Siasatan rapi dan mendalam telah dan masih dijalankan oleh pihak Polis.

Tindakan awal telah diambil oleh pihak Kerajaan untuk mententeramkan keadaan mulai dari masa pengkebumian sehinggalah sekarang, iaitu dengan menasihatkan rakyat supaya jangan membuat sebaran berita angin atau membuat tuduhan tidak berasas kerana kejadian ini masih lagi dalam penyiasatan rapi Polis. Di samping itu Yang Amat

Berhormat Menteri Besar Pahang, selaku Pengarah Gerakan Negeri telah menghulurkan derma sebanyak \$1,000 kepada tiap-tiap balu yang terlibat pada 15hb Jun, 1984 lalu.

TV3—SIARAN DIPERLUASKAN

38. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Penerangan menyatakan bila siaran TV3 akan diperluaskan di seluruh negara memandangkan bahawa pada masa sekarang ini hanya mereka yang tinggal di Lembah Kelang sahaja yang dapat menikmati siarannya.

Dato' Rais Yatim: Saya telah pun menjawab soalan ini bersama soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Sibul tadi. Saya tidak bercadang apa-apa lagi.

MAS—PERANCANGAN PERKHIDMATAN

39. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron minta Menteri Pengangkutan menyatakan berapakah lapangan penerbangan baru dalam negeri dan luar negeri yang dicadang untuk perkhidmatan MAS bagi rancangan Malaysia Kelima.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Pada masa ini MAS mengadakan penerbangan dalam negeri sebanyak 36 destinasi, 18 destinasi ialah di bandar-bandar di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, manakala 18 tempat lagi ialah di kawasan-kawasan luar bandar (rural airfields) di Sabah dan Sarawak.

Bagi lapangan terbang-terbang antarabangsa pula, MAS mengadakan perkhidmatannya ke sebanyak 22 destinasi, 7 destinasi ialah di kawasan ASEAN, 4 destinasi di kawasan Asia, 4 destinasi di Timur Tengah, 4 destinasi di Eropah, manakala 3 destinasi lagi ialah di

Australia. MAS sedang membuat perancangan untuk mengadakan perkhidmatan ke Langkawi. Bagi perkhidmatan antarabangsa pula, destinasi-destinasi baru tidak dapat ditentukan sekarang oleh kerana perkhidmatan MAS ke destinasi-destinasi antarabangsa adalah bergantung kepada rundingan-rundingan udara dan hak-hak trafik yang dapat diperolehi dari negara-negara yang berkenaan.

Walau bagaimanapun, MAS sedang membuat perancangan untuk mengadakan perkhidmatannya ke beberapa bandar di Asia, Eropah, Amerika Syarikat, Australia dan New Zealand.

SKANDAL PINJAMAN BUMIPUTRA MALAYSIA FINANCE

40. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada jawatankuasa penyiasatan tiga orang yang ditubuhkan untuk menyiasat ke dalam skandal pinjaman Bumiputra Malaysia Finance di Hong Kong telah menyelesaikan penyiasatannya, jika tidak, bilakah ia dijangka dapat menyelesaikan penyiasatan dan sama ada satu laporan sementara (interim report) akan diberi mengenai kemajuan yang dicapai setakat ini dalam penyiasatan tersebut.

Dato' Sabbaruddin Chik: Saya telah pun menjawab soalan ini ketika memberi jawapan kepada pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka pada 16hb Julai 1984 mengenai perkara yang sama.

PERBARISAN MURID SEKOLAH MENYAMBUK Y.B. ENCIK S. SUBRAMANIAM

41. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar murid-murid dari Sekolah

Rendah Kebangsaan Tamil Jalan Cheras, Kuala Lumpur yang berpakaian seragam terpaksa berbaris pada jam 8 malam bersamaan 12hb Jun 1984 untuk menyambut ketibaan Y.B. S. Subramaniam Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan merangkap Timbalan Presiden MIC, yang telah datang ke kuarters Bandaraya di Batu 2½, Jalan Cheras untuk merayu kepada pekerja-pekerja India yang tinggal di situ supaya membeli saham-saham MAIKA HOLDINGS; jika ya, sama ada adalah menjadi dasar Kementeriannya untuk membenarkan murid-murid sekolah digunakan untuk menyambut dif-dif terhormat untuk majlis-majlis kepartian dan pada waktu malam pula yang mendatangkan kesusahan kepada murid-murid dan juga ibubapa mereka.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Kementerian Pelajaran menyedari bahawa ada murid-murid dari Sekolah Rendah Kebangsaan (Tamil) Jalan Cheras mengambil bahagian dalam perbarisan untuk menyambut ketibaan Y.B. Encik S. Subramaniam, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan merangkap Timbalan Presiden MIC semasa beliau datang ke Kuarters Bandaraya di Batu 2½, Jalan Cheras, Kuala Lumpur pada jam 8.00 malam bersamaan 12hb Jun 1984. Perbarisan itu bukan dianjurkan oleh pihak sekolah dan murid-murid yang mengambil bahagian adalah terdiri dari murid-murid darjah 5 dan 6 yang tinggal di kawasan perumahan tersebut. Tidak ada paksaan dibuat kepada murid-murid yang berkenaan untuk berbaris dan mereka yang mengambil bahagian adalah dengan persetujuan ibubapa mereka.

Adalah bukan menjadi dasar Kementerian Pelajaran untuk membenarkan murid-murid Sekolah Rendah mengambil bahagian dalam

sebarang perbarisan untuk menyambut para pemimpin yang datang melawat ke tempat masing-masing.

LEBUHRAYA SEREMBAN-KUALA LUMPUR—KOS ASAL

42. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Kerjaraya menyatakan kos asal lebuhraya Seremban—Kuala Lumpur, jumlah wang yang telah dibelanjakan sejauh ini atas kerja-kerja pembedahan lebuhraya ini sejak ianya dibuka secara rasmi dan frekuensi pelaksanaan "road cosmetic" ke atasnya. Berapakah bilangan jabatan yang bertanggungjawab atas pembedahan lebuhraya ini dan sejauh manakah berlakunya pertindihan tugas antara masing-masing.

Dato' S. Samy Vellu: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban yang telah siap dibina dalam 1978 telah menelan belanja sebanyak lebih kurang \$66 juta. Jumlah perbelanjaan untuk kerja-kerja penyelenggaraan semenjak ia dibuka termasuk kos pemulihan yang sedang berjalan sekarang ini adalah seperti berikut:

1979	\$1 juta
1980	\$1 ..
1981	\$1.5 ..
1982	\$1.5 ..
1983	\$7 ..
1984	\$13 ..
		(anggaran)

Perlu dinyatakan di sini bahawa perbelanjaan yang meningkat bagi tahun 1983 dan 1984 itu adalah untuk kerja-kerja pemulihan keseluruhan lebuhraya yang berkenaan yang mana kerja-kerja ini akan siap pada akhir tahun ini.

Jika "road cosmetics" yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu bermaksud

“resurfacing” ataupun “overlay” permukaan jalan, maka sukalah saya memaklumkan bahawa sejak lebuhraya Kuala Lumpur—Seremban dibuka, kerja-kerja tersebut tidak ada dijalankan. Ini adalah kerana kerja-kerja tersebut hanya diperlukan selepas sesebuah lebuhraya itu digunakan selama lima hingga tujuh tahun. Oleh kerana kerja-kerja pemulihan telah dijalankan dalam tempoh tersebut, maka kerja-kerja “road cosmetics” yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, tidaklah perlu lagi dijalankan.

Mengenai jabatan-jabatan yang terlibat dengan kerja-kerja pembaikan lebuhraya tersebut, saya suka memaklumkan bahawa tanggungjawab untuk membaiki dan menyelenggarakan bahagian lebuhraya dari sempadan negeri Selangor/Wilayah Persekutuan membawa ke Selatan hingga ke Seremban adalah tanggungjawab Lembaga Lebuhraya Malaysia, manakala bahagian ke Utara dari sempadan itu di kelolakan oleh Dewan Bandaraya.

Dengan pembahagian kawasan yang jelas ini, pertindihan tugas di antara kedua-dua jabatan itu tidaklah berlaku.

OPERASI TV3

43. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Penerangan menyatakan adakah benar dakwaan yang menyatakan sejak bermulanya operasi TV3, oleh STMB pada 1hb Jun 1984 yang lalu, ramai di antara mereka yang dapat menikmati siaran TV3, tidak lagi berminat untuk melihat siaran TV menerusi saluran 1 dan 2; jika benar:

(a) mengapakah berlaku keadaan yang demikian; adakah kerana mutu penyiaran dan mutu perkhidmatan TV menerusi saluran 1 dan 2 itu jauh lebih rendah daripada saluran 3;

(b) untuk menyaingi penyiaran TV3 itu apakah langkah-langkah positif yang telah, sedang dan akan dilakukan oleh pihak Kementerian supaya mutu penyiaran dan perkhidmatan TV menerusi saluran 1 dan 2 itu dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa; dan

(c) untuk membolehkan Kerajaan menyampaikan maklumat-maklumat penting kepada orang ramai, sekurang-kurangnya menerusi Warta Berita atau Berita Ringkas dan sebagainya, adakah Kerajaan bercadang untuk menyelaraskan penyiaran berita pada waktu yang serentak pada semua saluran iaitu 1, 2 dan 3.

Dato' Rais Yatim: Semenjak TV3 memulakan operasinya memanglah banyak yang diperkatakan mengenai rancangan-rancangannya dalam akhbar-akhbar. Walau bagaimanapun, belum dapat dipastikan bahawa ramai di antara mereka yang menikmati siaran TV3 tidak lagi berminat untuk melihat siaran TV menerusi saluran 1 dan 2.

Seperti mana yang telah saya maklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di tempoh hari, suka saya tegaskan sekali lagi bahawa RTM sebagai media rasmi Kerajaan mempunyai matlamat yang berlainan daripada matlamat TV3 sebagai suatu usahaniaga. Oleh yang demikian penekanan RTM, adalah berlainan daripada penekanan TV3, maka itu soal perbandingan tinggi-rendah mutu penyiaran RTM dan TV3 tidaklah timbul.

RTM tidak bercadang menyaingi TV3. Namun begitu selaras dengan matlamatnya, RTM akan terus memberi tekanan kepada rancangan-rancangan yang bercorak penerangan dan pendidikan sambil membanyakkan

lagi pengeluaran rancangan-rancangan tempatan dan meningkatkan lagi mutu penerbitannya.

Mengenai penyelarasan penyiaran berita serentak di RTM dan TV3, saya difahamkan bahawa TV3 akan menyiarkan beritanya sendiri.

PUNGUTAN DERMA BADAN KEBAJIKAN

44. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Dalam Negeri menyatakan tindakan yang diambil terhadap golongan-golongan tertentu yang mempergunakan nama-nama badan-badan kebajikan dan badan-badan berkanun, serta memalsukan tandatangan kerana pemungutan derma untuk sesuatu tujuan. Adakah beliau sedar bahawa beberapa kejadian sedemikian telah berlaku di kawasan Wilayah Persekutuan dan kawasan-kawasan lain di Malaysia termasuk penggunaan "letterhead" pertubuhan-pertubuhan berikut: "Penukaran Kebudayaan Belia Malaysia", "Pertubuhan Badan Kebajikan Anak-anak Yatim Cacat Wilayah Persekutuan, Malaysia" dan "Malam Amal Tabung Bangunan Kesatuan Kakitangan Lembaga Pelabuhan Kelang"? Jika sedar, apakah tindakan seterusnya yang akan diambil.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Kerajaan memang sedar bahawa ada beberapa kejadian dilakukan oleh beberapa orang yang tidak bertanggungjawab menggunakan nama-nama badan kebajikan di negara kita untuk mengutip derma dengan tujuan kepentingan diri.

Ketiga-tiga pertubuhan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, mengikut siasatan awal Polis didapati ada bukti-bukti bahawa pertubuhan-pertubuhan itu dipergunakan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab dan

mempunyai unsur-unsur penipuan memandangkan alamat-alamat dan nombor-nombor telefon yang tercatat dalam surat-surat rayuan kutipan derma dimiliki oleh orang lain.

Kerajaan sentiasa memandangkan berat kegiatan-kegiatan sedemikian dan mengambil tindakan tegas menurut undang-undang. Kerajaan telah mengharamkan "Pertubuhan Badan Kebajikan Anak-anak Yatim Cacat Wilayah Persekutuan" pada 2hb Mei 1981. Pengasasnya telah didakwa di mahkamah dan telah dihukum. Kegiatan mengutip derma atas nama dua pertubuhan lagi itu, pihak Polis masih lagi menjalankan siasatan untuk mendakwa mereka yang terlibat.

Untuk mengelakkan penipuan, sukalah saya menyeru kepada orang ramai supaya sama-sama bertanggungjawab membentasi kegiatan ini dengan memastikan setiap rayuan kutipan derma benar-benar bertujuan jujur. Sekiranya didapati keraguan, laporkanlah kepada Polis.

PROJEK PERUMAHAN TAMAN SHARIFAH

45. Tuan Uzi Kit Siang minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan mengapa beliau tidak dapat menyelesaikan masalah yang wujud kian lama ini yang dihadapi oleh pembeli-pembeli 117 unit rumah yang terdiri daripada 9 buah rumah kedai, 2 buah banglo, 8 buah rumah kembar, 20 buah rumah teres, 28 buah rumah kos rendah di Taman Sharifah, Projek Perumahan Batu 4½, Jalan Bakri, Muar kerana tarikh menyiapkan pembinaan unit-unit tersebut adalah Jun 1981 yang nyata adalah "long overdue", dan para pembeli terpaksa membayar kadar faedah yang terlalu tinggi kepada Bank Bumiputra dan nyatakan

bagaimana Kementeriannya bercadang membantu pembeli-pembeli rumah Taman Sharifah.

Puan Napsiah binti Omar: Tohmahan yang menyatakan bahawa Kementrian saya tidak dapat menyelesaikan masalah projek terbengkalai di Taman Sharifah. Muar yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat wakil dari Kota Melaka adalah tidak benar.

Untuk makluman Yang Berhormat masalah yang dibangkitkan itu telah pun selesai perancangannya dan kini sedang dalam proses pelaksanaan. Untuk makluman ahli Yang Berhormat seterusnya bahawa kelewatan menyiapkan projek terbengkalai ini adalah berpunca dari pemaju asal iaitu Taman Beserah Sdn Bhd yang telah memperakukan kepada Kementrian pada 27hb Sept. 1983 bahawa syarikat yang berkenaan tidak lagi mempunyai keupayaan untuk meneruskan urusniaganya bagi menyiapkan projek ini.

Persetujuan telah pun dicapai di mana tuan tanah bagi projek ini sendiri telah bersetuju untuk meneruskan dan menyiapkan projek yang terbengkalai ini.

Pihak Kementrian ini telah pun mengeluarkan satu lesen pemaju di atas nama Hasry Pembinaan Sdn Bhd dan lesen ini mula dikuatkuasa pada 24-4-1984 sehingga 23-4-1986. Pada masa ini pihak pemaju sedang menguruskan soal-soal tambahan pinjaman dengan institusi-institusi kewangan termasuklah Bahagian Pinjaman Kementrian Kewangan. Setelah urusan-urusan ini selesai pihak pemaju dan Kementrian akan memberitahu pembeli-pembeli rumah di rancangan perumahan yang berkenaan di atas perkembangan projek ini.

TAMADUN ISLAM DI SEKOLAH MENENGAH

46. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pelajaran menyatakan bahawa apabila Tamadun Islam diperkenalkan di sekolah-sekolah menengah dalam tahun 1988, sama ada beliau juga akan memperkenalkan Tamadun Buddha, Tamadun Hindu, Tamadun Kristian dan Tamadun Sikh untuk pelajar-pelajar yang menganuti ugama-ugama seperti Buddhism, Hinduism, Christianity dan Sikhism.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Setakat ini Kementrian saya belum mempunyai cadangan untuk memperkenalkan Tamadun Buddha, Tamadun Hindu, Tamadun Kristian dan Tamadun Sikh untuk pelajar-pelajar yang menganuti ugama-ugama tersebut di sekolah-sekolah menengah pada tahun 1988.

TV3—PENAPISAN FILEM

47. Tuan Ismail bin Arshad minta Menteri Penerangan menjelaskan apakah tindakan dan usaha pihak Kementeriannya bagi membetul dan mengatasi segala kelemahan dan bantahan serta komen orang ramai terhadap siaran TV3 yang tidak begitu memuaskan di segi nilai-nilai di negara ini sekarang.

Dato' Rais Yatim: Saya suka mengambil kesempatan menerangkan bahawa lesen membenarkan TV3 beroperasi dikeluarkan oleh Kementrian Tenaga, Telekom dan Pos. Penapisan filem-filem untuk siaran TV3 pula dibuat oleh Kementrian Dalam Negeri dan bukannya Kementrian Penerangan.

Adalah diharapkan dengan penjelasan ini Ahli-ahli Yang Berhormat faham kedudukan TV3 yang sebenarnya bukan di bawah Kementrian Penerangan yang sering disiarkan.

PELARIAN FILIPINA

Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah kemajuan yang telah dicapai setakat ini dalam mendaftarkan pelarian-pelarian Filipina dan pendatang-pendatang haram Indonesia yang terdapat di Sabah, jumlah yang didaftarkan setakat ini dan sama ada telah di dapati mereka ini mempunyai kad pengenalan berwarna biru dan merah, jika ya, nyatakan jumlahnya dan bagaimana mereka perolehi kad-kad pengenalan tersebut.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Untuk makluman Dewan Yang Mulia, sehingga 7hb Julai 1984 sejumlah 17,319 orang pelarian Filipina telah mendaftarkan diri di pusat-pusat pendaftaran di seluruh negeri Sabah.

Daripada jumlah tersebut, tidak terdapat seorang pun daripada mereka yang mempunyai kad pengenalan biru dan merah.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG DADAH BERBAHAYA (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Dadah Berbahaya 1952; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri; dibaca kali pertama; akan dibaca kali yang kedua pada mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG MAKHLUK PEROSAK PERTANIAN DAN TUMBUHAN-TUMBUHAN BERBAHAYA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.34 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhat Wan): Tuan Yang di-Pertua,

saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Makhluk Perosak Pertanian dan Tumbuhan-tumbuhan Berbahaya Tahun 1976 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, objektif utama Akta ini adalah untuk melindungi tanaman dan hasil pertanian negara dari serangan makhluk perosakan asing. Serangan makhluk perosak adalah merupakan salah satu daripada faktor-faktor pembatas dalam pengeluaran hasil pertanian. Tanaman ladang Malaysia seperti getah, kelapa, kelapa sawit dan koko adalah bebas dari makhluk perosak yang merbahaya yang diketahui telah menyerang dan menyebabkan kerugian yang besar dalam pengeluaran tanaman tersebut dan di lain negara.

Di antara makhluk perosak ini termasuklah penyakit hawar dari Amerika Selatan menyerang tanaman getah. Penyakit layu, vascula yang merbahaya kepada kelapa sawit dan penyakit cadang-cadang ke atas tanam kelapa. Sekiranya kemasukan makhluk perosak ini tidak dikawal dari awal, ia akan menjejaskan perusahaan pertanian utama kita. Dengan adanya penguatkuasaan Akta Makhluk Perosak dan Tumbuhan-tumbuhan Merbahaya Tahun 1976 oleh Jabatan Pertanian di bawah Kementerian saya, sejak ini Malaysia telah dapat mengelak dari serangan makhluk perosak yang merbahaya itu.

Seterusnya Malaysia juga telah dapat menghalang kemasukan lebih daripada 100 jenis makhluk perosak yang telah diwartakan sebagai merbahaya. Usaha-usaha mencegah kemasukan makhluk perosak asing ini dapat dicapai dengan mengawal kemasukan bahan-bahan yang mungkin menjadi pembawa makhluk perosak yang terdiri daripada tumbuhan-tumbuhan dan hasil tanaman-tanaman tertentu.

Di bawah Akta yang ada sekarang, kemasukan bahan-bahan tanaman ke Malaysia hanya dibenarkan melalui 46 tempat-tempat pemeriksaan masuk melalui darat, laut dan udara di mana pemeriksaan untuk mengesan dan mencegah kemasukan makhluk perosak asing dijalankan oleh Merinyu Quarantine. Walau bagaimanapun, pelaksanaan Akta yang ada sekarang ini tidak dapat memberi kesan sepenuhnya ke atas pengawalan kemasukan dan pemusnahan makhluk perosak asing. Umumnya ulat pengorek buah koko yang mula kesan di Sabah pada tahun 1980 adalah disyaki berpunca daripada bahan-bahan tanaman yang dibawa masuk secara haram dari negara-negara asing. Serangan makhluk perosak ini telah menyebabkan pengurangan hasil dan peningkatan ke atas pengeluaran akibat dari langkah-langkah pengawalan yang terpaksa dijalankan. Hukuman yang diperuntukkan di bawah Akta ini termasuk denda sehingga \$1,000 apabila bersabit kesalahan adalah terlalu rendah untuk menghalang kemasukan bahan-bahan yang mungkin membawa makhluk perosak secara haram. Oleh itu hukuman dan denda yang lebih tinggi seperti yang diusulkan dalam pindaan Akta ini untuk mereka yang terlibat adalah bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan pengawalan kemasukan pembawa makhluk perosak yang merbahaya kepada perusahaan pertanian di negara ini.

Selain daripada bahan-bahan tanaman makhluk perosak boleh juga dibawa masuk ke negara ini melalui "tanah" dan organisma. Pindaan Akta ini adalah untuk mengawal kemasukan organisma berfaedah dan tanah dan bertujuan untuk memastikan bahawa makhluk perosak dan penyakit tidak dibawa masuk melalui bahan-bahan tersebut.

Tafsiran makhluk perosak telah dipinda supaya merangkumi sebuah organisma yang diketahui merbahaya

kepada tanaman yang mana kemasukannya mestilah dilarang atau dikawal. Adalah dicadangkan juga bahawa semasa dalam proses pemeriksaan bahan-bahan yang mungkin menjadi pembawa makhluk perosak serta bahan tersebut perlu diambil untuk kajian selanjutnya. Sekiranya makhluk perosak dikesan, kesemua bahan tersebut hendaklah dimusnahkan.

Peruntukan baru yang dicadangkan ini diadakan untuk melindungi Kerajaan atau pegawai-pegawai bertugas dari tuntutan pampasan ke atas tindakan yang telah diambil. Istimewa quarantin adalah digunakan di peringkat antarabangsa bagi maksud menjalankan peraturan undang-undang untuk mengawal dan menghalang kemasukan makhluk perosak ke dalam sebuah negara. Oleh yang demikian sejajar dengan istilah tersebut maka dicadangkan supaya tajuk Akta ditukarkan kepada Akta Quarantin Tumbuhan 1976.

Di bawah Perjanjian Perlindungan Tanaman Negara Asia dan Pasifik adalah menjadi kewajipan negara-negara ahli menentukan dan mengawal semua bahan-bahan pertanian yang dieksport ke negara ahli yang lain bebas dari makhluk perosak. Sebagai kewajipan Malaysia terhadap kehendak ini peruntukan di bawah Akta ini telah pun diperluaskan supaya peraturan mengenai perakuan kebebasan daripada makhluk perosak terhadap bahan-bahan pertanian yang dieksport lain-lain negara ahli-ahli dapat disediakan.

Walaupun Akta Makhluk Perosak Pertanian dan Tumbuhan-tumbuhan Berbahaya 1976 telah dikuatkuasakan di seluruh Malaysia tetapi pelaksanaannya oleh Jabatan Pertanian di ketiga kawasan komponen yang terdiri daripada Semenanjung, Sabah dan Sarawak adalah berasingan oleh kerana

terdapat beberapa makhluk perosak yang tidak sama dalam komponen-komponen ini adalah menjadi satu keperluan dari segi korentin untuk mengawal pergerakan tumbuhan-tumbuhan dan membawa makhluk perosak di antara komponen-komponen tersebut. Untuk membolehkan pengawalan pergerakan bahan-bahan pertanian ke Labuan selepas ianya dijadikan Wilayah Persekutuan maka adalah perlu dijadikan Labuan sebagai kawasan komponen tambahan. Untuk keperluan ini perkataan "Pengaruh" ditafsirkan sebagai "Ketua Pengarah Pertanian bagi Malaysia Barat" yang bertanggungjawab ke atas Wilayah Persekutuan Labuan Pengarah Pertanian bagi Sabah atau Pengarah Pertanian bagi Sarawak mengikut mana yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Akta Makhluk Perosak Pertanian dan Tumbuh-tumbuhan Berbahaya (Pindaan) 1984 dibaca kali kedua sekarang terbuka untuk dibahas.

3:42 ptg.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan (Kuala Nerus): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas peluang ini kerana dapat saya bersama-sama mengikuti perbincangan dalam Akta Makhluk Perosak ini.

Dalam perkara makhluk perosak untuk menjaga tanam-tanaman di tanah air kita Malaysia ini, satu daripadanya disebabkan kerana kemasukan benih-benih daripada luar

negeri ke negara kita dengan kecuai-an pemeriksaan ataupun kecuai-an mengambil berat di atas kemasukan benih-benih ataupun buah-buah. Mengikuti kajian ilmu tabiah dalam susulan-susulan orang-orang Arab yang dahulu-dahulu kala mengatakan satu daripada menyebabkan makhluk perosak itu boleh merebak ataupun boleh tumbuh disebabkan sesuatu buah-buahan yang dibawa di dalam kebun-kebun itu seperti kalau sekiranya buah apel dibawa ke dalam padi ataupun dimakan di situ membawa kulit-kulitnya itu boleh menjadi ulat yang ulatnya itu boleh menjadi merebak dan boleh memusnahkan tanam-tanaman itu, begitu juga buah-buahan yang lain. Jadi, memberi erti ilmu tabiah di dalam kajian orang-orang Arab yang dahulu-dahulu kala bahawa sangat pantang ataupun dilarang sama sekali di dalam mana-mana kebun dibawa buah-buahan ataupun dimakan di dalam kebun-kebun itu, melainkan buah-buahan jenis yang sama seperti di dalam sawah padi maka diharuskan makan nasi di dalam sawah padi ataupun kalau dalam kebun apel maka diharuskan makan apel di dalam kebun itu. Kalau di dalam kebun durian diharuskan makan buah durian. Jadi, buah-buahan lain tidak boleh makan dalam kebun itu.

Tuan Yang di-Pertua: Buah tamar pun tidak boleh juga!

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Katanya buah tamar pun tidak boleh juga. Itu dalam ilmu tabiah iaitu dalam kaji-kajian, ilmu tabiah dalam kajian orang-orang Arab yang dahulu-dahulu kala. Sebab di Malaysia ini kita selalu tengok di dalam siaran-siaran suratkhbar, penyakit-penyakit ataupun ulat-ulat luar biasa yang belum pernah kita dengar di dalam negara kita kononnya penyakit-penyakit itu adalah penyakit yang baharu masuk.

Jadi, mustahil sama sekali penyakit-penyakit ataupun ulat-ulat itu masuk dengan secara terbang daripada Amerika kemari mustahil, tentulah sekali dengan melalui buah-buahan ataupun benih-benih. Maka oleh itu, saya mencadangkan kepada Kerajaan ertinya mengetatkan dalam segi kebenaran kemasukan buah-buahan yang tidak sewajarnya. Dan kemasukan seperti buah-buahan daripada negeri Thailand pun saya rasa memberi kesan juga kerana nampaknya buah-buahan daripada Thailand amat bebas masuk ke negara kita ini. Boleh jadi juga negara kita ini dengan cuaca dan tanahnya tidak sesuai sebagaimana apa yang ada di Thailand. Oleh yang demikian, boleh jadi juga dengan sebab-sebab itu membawa kepada penyakit-penyakit makhluk perosak kepada tumbuh-tumbuhan kita ini merebak. Sebab masa dahulu-dahulu tidak begitu didapati di dalam negara kita ini makhluk perosak ini, tidak begitu banyak jenis tetapi hari ini banyak jenis sangat kadang-kadang kita dengar dalam cakapan ataupun perbualan temuduga doktor-doktor pertanian di dalam TV menunjukkan bahawa banyak hari ini penyakit-penyakit atau makhluk perosak yang luar biasa yang tidak ada selama ini di dalam negeri kita, hari ini didapati banyak sangat. Dan sesuai pula nampaknya dengan adanya kemasukan buah-buahan daripada negara-negara lain khasnya negara jiran memang banyak hari ini tidak macam dahulu-dahulu. Oleh hal yang demikian, dengan perkara-perkara seumpama ini elok juga Kerajaan mengambil perhatian yang berat.

Selain daripada itu, selain daripada penyakit makhluk perosak, ada seperkara lagi tidak disebabkan makhluk perosak tetapi hasil pertanian kurang seperti petani-petani menanam padi. Hari ini banyak berlaku khasnya di Terengganu tahun ini pokok padi cantik tetapi buahnya

tidak ada. Jadi, ini bukanlah disebabkan makhluk perosak seperti ulat ataupun sebagainya, maka ini patut juga difikirkan oleh pihak Kerajaan. Kalau hendak fikirkan dalam segi keagamaan tentulah ini pekerjaan Allah s.w.t. akan tetapi kita sebagai manusia disuruh kita berikhtiar. Saya rasa satu daripada sebab-sebab pokok-pokok padi subur elok tetapi buahnya tidak ada, saya rasa sebab-sebabnya ialah disebabkan baja tidak sesuai dengan tanahnya.

Hari ini kebanyakan baja-baja datang daripada luar negeri ataupun dibuat di dalam negeri tetapi tidak mencukupi. Tentu sekali bahan-bahan membuat baja daripada luar negeri barangkali antaranya ada yang tidak sesuai dengan tanam-tanaman di tanahair kita Malaysia ini. Itu menyebabkan pokok-pokok subur tetapi tidak ada buah. Jadi daripada pokok subur tidak ada buah, baiklah pokok kurang subur tetapi buahnya ada. Kalau padi begitulah, tetapi kalau pokok bunga ataupun lain-lain, kita mustahaklah jika kepada pokoknya itu subur.

Maka saya mencadangkan supaya Kerajaan mengadakan projek-projek membuat baja dalam tanahair kita ini dengan besar-besaran dengan membuat kajian daripada bahan-bahan tumbuh-tumbuhan ataupun bahan-bahan yang ada dalam tanahair kita sendiri. Sebenarnya di dalam tanahair kita sendiri boleh dikatakan sebuah negara yang serba cukup lengkap, masya Allah, kalau dikaji tentu sekali daripada bahan-bahan daripada tanahair kita ini dapat kita membuat baja dengan besar-besaran dengan tidak payah kita ambil baja ataupun beli baja daripada luar negeri. Sebab kalau sekiranya kita mengambil baja atau membeli baja daripada luar negeri tentu sekalilah memakan belanja yang banyak sebab negara kita ini adalah sebuah negara pertanian

yang serba-serbi boleh dikatakan tanah dipenuhi dengan tumbuh-tumbuhan dan tanam-tanaman. Dengan itu tentu sekali mustahak kepada penggunaan baja yang begitu banyak. Maka sekiranya sentiasa bergantung kepada baja-baja luar negeri tentu sekali kita menggunakan belanja yang begitu banyak. Oleh itu sungguh molek dan elok Kerajaan berusaha dengan besar-besaran untuk mengadakan kilang-kilang baja di tanahair kita dengan dijemput ataupun diambil pakar-pakar daripada luar negeri untuk mewujudkan projek baja dalam negara kita.

Sampai di sinilah sahaja, terima kasih dan saya sokong penuh Akta Makhluk Perosak Pertanian dan Tumbuh-tumbuhan Berbahaya, 1976.

4.53 ptg.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah (Padang Rengas): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian di dalam membahaskan berkenaan dengan Akta Makhluk Perosak Pertanian dan Tumbuhan-tumbuhan Berbahaya, 1976.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai makhluk perosak ini, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan khususnya kepada Kementerian Pertanian atas perhatiannya yang begitu berat terhadap makhluk-makhluk perosak yang boleh menjejaskan kehidupan khususnya petani-petani yang sudah pun dalam keadaan yang daif. Dengan adanya undang-undang ini bererti ianya merupakan satu sumbangan ke arah memberi perlindungan kepada masa depan atau kehidupan peladang-peladang atau petani-petani terutama sekali petani-petani kecil atau peladang-peladang

kecil yang tinggal di kawasan-kawasan luar bandar.

Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, makhluk-makhluk perosak yang disebutkan di dalam Rang Undang-undang ini ialah hasil daripada kajian mungkin yang dibuat oleh Kementerian ini terdapat makhluk-makhluk perosak yang datang daripada luar negeri kita menerusi berbagai-bagai keadaan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang membawa usul tadi. Suatu hakikat yang harus disedari benar-benar oleh pihak Kementerian ini ialah makhluk-makhluk perosak yang tidak diimport, yang tidak dibawa masuk dari luar negeri iaitu makhluk-makhluk perosak yang sedia ada bermaharajalela di dalam negara kita ini.

Di antara makhluk-makhluk perosak yang menjejaskan kehidupan petani-petani ialah babi. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu dan tidak faham mengapakah pihak Kerajaan kita masukkan babi ini di dalam bab binatang-binatang kawalan sedangkan dia menjadi musuh utama kepada petani-petani. Hari ini rata-rata kalau kita pergi ke mana-mana terutama di kawasan luar bandar, babi-babi ini bukan sahaja lagi berada di dalam hutan, tetapi sudah sampai ke bawah-bawah dapur atau di bawah-bawah rumah petani-petani. Sebabnya mungkinlah banyak terutama oleh kerana pesatnya perancangan pembangunan negara kita di mana hutan-hutan belantara telah dibuka, ditebang tebas, dibakar, diperun dan ditanam dengan tanam-tanaman yang lebih berekonomi seperti getah, kelapa sawit dan sebagainya. Akibatnya binatang-binatang ini sudah kekurangan makanan. Ini satu daripada sebabnya dan babi-babi ini telah bermaharajalela, ada petani-petani menggelarkan "bulldozer" yang tidak payah diupah atau trektor

yang tidak payah diupah, dia boleh tenggalakan tanah dan juga memusnahkan tanam-tanaman.

Saya sedar bukannya bermakna babi-babi ini tidak boleh dimusnahkan tetapi maksud saya tidak boleh dilakukan secara sewenang-wenangnya seperti masa-masa yang lampau. Pada hal kita ketahui pada masa-masa yang lampau di waktu Kerajaan belum memasukkan binatang babi ini ke dalam jenis binatang-binatang yang dikawal, keadaan binatang ini tidak juga pernah pupus kerana mengikut apa yang saya fahamkan babi ini beranak setahun dua kali kalau tidak salah saya. Sekali dia beranak kadang-kadang sampai 10 ekor. Katalah kalau 10 ekor setahun sudah 20 ekor. Begitu baik sekali.

Apabila kawalan-kawalan ini telah dibuat dengan berbagai-bagai syarat, misalnya katalah kalau orang Melayu hendak tembak, boleh tembak, tetapi babi itu kena tanam, tidak boleh hendak diberikan kepada orang lain. Kalau orang lain hendakkan babi itu hendak kena ada lesen lain pula. Kalau tidak, kita berikan kepada seorang rakan kita, katakan orang Cina umpamanya, dia ambil babi, tiada lesen nanti dia kena denda, kalau tidak salah \$1,000. Apa maknanya hendak dapat seekor babi hendak kena bayar \$1,000? Siapa yang hendak? Pada hal harga babi itu berapa ringgit sahaja. Tetapi kalau dia mengambil babi itu tiada lesen dia nanti kena denda. Apa salahnya, benda ini makanan dia, dia suka, kita beri kepadanya dengan tidak payah lagi hendakkan lesen, kerana ini memudahkan usaha orang-orang Melayu atau Islam untuk memusnahkan binatang-binatang babi ini.

(Dr Abdul Hamid bin Pawanteh
mempengerusikan Mesyuarat)

Saya berharap pihak Kerajaan akan mengkaji semula larangan ke atas babi ini. Dalam penggal-penggal yang lalu

di Dewan yang mulia ini saya telah bercakap mengenai babi. Kalau benar-benar kita memikirkan bahawa babi-babi ini satu binatang yang kita perlu simpan di dalam negara kita sebagai salah satu usaha untuk menyelamatkan keturunan babi ini, saya rasa ini tidak susah. Kita bawa sahajalah babi-babi ini ke kawasan-kawasan hutan "Taman Negara" atau tempat-tempat yang tertentu umpamanya macam Pahang itu ada di kaki Gunung Tahan itu "Taman Negara" lepaskan babi di sana, insya Allah hutan itu tidak lama kemudian akan penuh dengan babi kerana setahun 20 ekor dia beranak. Kalau lepas sahaja 100 ekor babi jumlahlah dalam masa beberapa tahun, penuh hutan ini dengan babi. Babi-babi yang berkeliaran di luar kawasan hutan ini dibolehkan kita musnahkan dia.

Saya rasa inilah perkara yang penting. Kalau tidak petani-petani kita akan ketawa telatah Kerajaan kita, yang kuman seberang laut nampak, musuh-musuh yang hendak datang dari Amerika itu, segala binatang-binatang yang dikatakan makhluk-makhluk perosak dari Amerika itu nampak, yang di depan mata, gajah, gajah di bibir mata, babi yang menjahanamkan ubi, keladi tidak nampak. Kalau nampak pun buat-buat tidak nampak. Inilah satu keganjilan, apabila Rang Undang-undang ini disebut oleh Juruhebah kita di dalam televisyen, petani-petani kita akan senyum dan ketawa, hairan dengan telatah Kerajaan, musuh yang ada dia tidak peduli, hak yang jauh dia nampak. Sebagai Wakil Rakyat daripada kawasan-kawasan luar bandar saya terpaksa menyuarakan ini kerana ini adalah perkara yang benar-benar berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kalau satu Rang Undang-undang untuk membolehkan rakyat memusnahkan babi ini dengan mudah dibawa ke Dewan yang mulia ini dan

diluluskan apabila siaran televisyen dibuat oleh Juruhebah kita, maka tidak ada seorang pun petani-petani yang tidak seronok malah menyanjung tentang kebijaksanaan Kerajaan. Tetapi saya rasa sambutan rakyat terhadap Rang Undang-undang yang sedang kita bahas ini tidak sama seperti apa yang saya katakan tadi. Oleh sebab itu walaupun dalam sidang Parlimen ini tiada perkara itu dibincangkan, saya berharap perkara larangan ke atas babi ini hendaklah ditimbang semula. Jika tidak, saya berikrar selagi saya diberi peluang menjadi Wakil Rakyat, Ahli Parlimen, saya akan menyuarakan bantahan seperti mana saya cakapkan ini sehingga ke akhir hayat. Sebabnya saya sungguh bersimpati dengan petani-petani di kawasan luar bandar dalam keadaan hidup yang daif, senapang tiada, apa pun tiada, mereka menerima saranan Kerajaan, bumi hijau, rajin bekerja, tambahkan daya pengeluaran, macam-macam. Dia sambut, dia pun tanam bermacam-macam tanam-tanaman di keliling rumah, di kaki-kaki sawah atau di pinggir-pinggir bukit. Tetapi apakan daya, oleh sebab dia miskin, dia tidak upaya hendak pagar kawasan-kawasan itu kerana belanja lebih besar sedangkan tanah sekangkang kera, tidak ekonomik. Dengan sebab itu segala tanaman-tanaman itu menjadi musnah. Akibat dari kemusnahan ini telah melumpuhkan semangat ingin berbakti kepada tanah oleh petani-petani kita. Apa guna mereka membuang masa, apa guna mereka membuang tenaga, apa guna mereka membuang belanja, kalau hasilnya tidak didapati. Tanam ubi, ubi habis, tanam pisang, pisang habis, tanam keladi, keladi habis, tanam padi, padi habis, apa maknanya. Barangkali inilah salah satu sebabnya banyak tanah-tanah terbiar tetapi kita salahkan petani-petani mengapa tidak bercucuk tanam. Apa hendak ditanam, bulldozer datang tanpa dijemput traktor datang tanpa

dijemput. Itulah traktor itu, "pak domai". Walau bagaimanapun, Rang Undang-undang ini saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:
Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

4.13 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Akta untuk meminda Akta Lembaga Perosak Pertanian dan Tumbuh-tumbuhan Berbahaya 1976. Akta ini adalah amat baik dan saya rasa inilah satu cara untuk mencegah supaya jangan menambahkan lagi binatang-binatang ataupun bahan-bahan kuman tumbuhan yang boleh merosakkan tanam-tanaman dalam negara kita.

Perkara ini masuknya dengan cara tidak nyata, dan bagi kita sendiri di dalam Parlimen ini pun kita tidak tahu apakah jenis tanamannya yang merbahaya dan apa jenis merbahaya yang tidak boleh dibawa masuk ke dalam negara kita. Untuk tidak teraniaya rakyat-rakyat negara kita dan dinaikkan penalti daripada \$1,000 kepada \$10,000 ini tanpa memberi sesuatu perkara ini dengan nyata kepada rakyat yang ramai, maka sudah tentulah satu penganiayaan akan timbul kepada mereka yang membawa masuk makhluk-makhluk perosak yang tersebut tadi. Oleh itu saya menyeru kepada Kerajaan supaya memberitahu kepada seluruh negara apakah jenis makhluk-makhluk perosak dan apakah jenis tanam-tanaman yang akan melahirkan makhluk perosak ataupun tumbuh-tumbuhan yang merbahaya yang dinyatakan oleh Timbalan Menteri sebanyak 200 jenis tanaman ataupun benda-benda perosak yang boleh membahayakan ini supaya rakyat yang tidak tahu menahu, rakyat yang tidak berdosa yang ingin membawa masuk bahan-bahan ini, atau yang membawa

masuk unsur-unsur yang boleh melahirkan perosak kepada tanaman-tanaman ini akan mengetahui dan mereka tidak akan teraniaya atau dizalimi oleh undang-undang yang kita buatkan ini.

Yang kedua, saya suka menyebut bahawa sekarang ini tindakan diambil oleh Jabatan Pertanian dan juga pihak Kementerian juga tidak membenarkan sebarang tumbuhan masuk ke negara kita, semua jenis bahan-bahan tanaman tidak dibenar masuk. Kadang-kadang ada juga tanaman itu tidak merbahaya dan boleh memberikan hasil yang baik jika ditanam di negara kita. Ini tidaklah termasuk pokok-pokok yang terlibat dengan dadah ataupun terlibat dengan ganja tetapi tumbuhan-tumbuhan, bunga-bunga orkid ataupun jenis orkid ataupun jenis-jenis tanaman yang boleh mendatangkan hasil yang baru hendak ditanam di negara kita. Ini mungkin boleh mendatangkan hasil yang baik kepada petani tetapi kadang-kadang tumbuhan ini juga tidak dibenarkan kerana diambil secara umum bahawa sebarang tumbuhan atau binatang tidak dibenarkan masuk tanpa memberi sebab-sebab dan kadang-kadang dirampas. Dirampas itu tidak apalah tetapi petani yang rugi, kadang-kadang pihak yang berkuasa itu pula tanam pokok-pokok itu di rumah dia, hasil daripada rampasan dari petani-petani tadi. Keadaan inilah yang kita tidak hendak berlaku, supaya kita mengatakan apa jenis, apa bendanya dan apa perkaranya supaya perkara-perkara yang boleh masuk ini dapat masuk dengan senang dan dapat masuk dengan baik dan dapat memberi hasil yang baik kepada petani-petani kita.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa kita membawa masuk bahan-bahan ini kita tidak tahu sama ada bahan ini boleh melahirkan makhluk perosak

atau boleh menjadikan tumbuhan-tumbuhan merbahaya. Jadi apabila kita tidak tahu begitu sudah tentulah maka kita membawa masuk perkara-perkara seperti ini. Dan pada masa membawa masuk memanglah keadaannya baik dan tidak timbul perkara ini, tetapi kalau lama kelamaan kita tidak tahulah perkara ini akan bahaya. Perkara-perkara seperti ini harus diterangkan dan diberi pandangan kepada petani-petani kita yang tidak tahu manahu.

Selain daripada itu saya rasa sebagaimana yang Wakil dari Kuala Nerus sebutkan tadi, mungkin perosak masuk daripada buah-buahan yang diimport ke negara kita. Memanglah buah-buahan ini pada masa tidak buruk itu memang kita boleh makan tetapi kebanyakan buah yang ada itu setengahnya hampir buruk, sudah buruk dan mungkin melalui buah-buahan ini akan melahirkan kuman-kuman ataupun melahirkan perosak-perosak kepada makhluk dan kepada tumbuh-tumbuhan.

Selain daripada itu juga termasuk kepada bahan-bahan di dalam tin ataupun makanan-makanan yang habis tempoh yang tidak boleh dimakan lagi tetapi disimpan dan kebanyakannya masuk daripada bahan-bahan makanan yang lama yang dibawa masuk ke negara kita. Jadi apabila dibawa masuk ke negara kita ini pada asalnya makanan ini adalah baik tetapi lama kelamaan boleh melahirkan satu kuman yang merbahaya atau boleh melahirkan satu virus yang boleh merosakkan tanaman-tanaman ataupun manusia. Dengan keadaan ini saya rasa kawalan-kawalan tertentu kepada barang-barang dalam tin atau barang-barang makanan dan menentukan bahan-bahan ini tidak akan sewenang-sewenangnya masuk ke negara kita dengan cara yang mudah.

Apabila sebut makhluk ini saya teringat pula apakah makhluk ini termasuk manusia. Kalau termasuk manusia maka pihak Jabatan Pertanian ini kena mengadakan satu penguatkuasaan yang bertambah lebih ramai lagi kerana manusia ini kadang-kadang banyak membawa masuk virus atau kuman-kuman dan merupakan perosak kepada negara kita. Jadi, kita jangan ingat benda ini tidak dibawa masuk tetapi dibawa masuk. Dan jikalau dia masuk saya rasa pihak penguatkuasa mesti mengadakan penguatkuasaan yang hati-hati kerana apabila makna makhluk ini mungkin termasuk manusia. Kerana saya tidak ada Akta Ibu yang hendak dibaca, adakah Akta ini termasuk manusia?

Tetapi walau bagaimanapun undang-undang ini adalah undang-undang yang memberi kebaikan kepada kita, moga-moga apa yang dikehendaki di sini tidak akan tersalah dan tidak akan menimbulkan penganiayaan kepada mereka yang tidak berdosa dan mereka yang tidak tahu menahu tiba-tiba didenda sehingga \$10,000 dan tindakan-tindakan ini harus hati-hati kerana keadaan ini adalah boleh merugikan dan menganiaya kepada para petani yang bebal tentang perkara ini.

Dengan itu saya menyokong Rang Undang-undang Makhluk Perosak Pertanian dan Tumbuh-tumbuhan Berbahaya (Pindaan) 1984. Sekian, terima kasih.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:
Yang Berhormat dari Silam.

4.17 ptg.

Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid (Silam): Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucap banyak-banyak terima kasih kerana diberi peluang turut serta membincangkan Akta Makhluk Perosak Pertanian dan Tumbuh-tumbuhan Merbahaya

(Pindaan) 1984 yang akan meminda Akta Makhluk Perosak Pertanian dan Tumbuh-tumbuhan Berbahaya 1976.

Tuan Yang di-Pertua, pertama-tama saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan khususnya Kementerian Pertanian yang telah berusaha dan dapat merangka satu undang-undang yang benar-benar akan memberi manfaat kepada petani-petani di negara kita.

Seperti kita semua sedia maklum negara kita Malaysia adalah sebuah negara pertanian, sumber hasil pertanian ini adalah suatu sumber utama pertukaran wang mahupun dari dalam negeri ataupun luar negeri yang sudah tentu akan mengukuhkan lagi kedudukan kewangan kita. Dengan adanya undang-undang yang sedang kita bahaskan di Dewan yang mulia ini untuk diluluskan sudah tentu tanaman-tanaman petani-petani dan tumbuh-tumbuhan petani-petani akan terjamin pertumbuhannya. Petani-petani kita akan mengusahakan tanah secara besar-besaran ataupun kecil-kecilan akan terjaminlah tanaman-tanaman mereka ini andainya Rang Undang-undang yang kita bahaskan di Dewan yang mulia ini dapat diluluskan dan dilaksanakan dengan secepat mungkin. Seperti kita semua sedia maklum tumbuh-tumbuhan dan tanam-tanaman petani-petani kita ini terbuka kepada bahaya makhluk perosak tumbuh-tumbuhan. Oleh ini maka wajarlah Kementerian Pertanian merangka suatu undang-undang yang akan menjamin tanam-tanaman petani-petani kita mahupun dalam rangka yang besar ataupun kecil, maka terjaminlah tanam-tanaman ini daripada diserang oleh makhluk-makhluk ataupun organism-organism yang dibawa daripada luar negeri ataupun yang sedia wujud yang ada di negeri kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya membuat satu saranan kepada Kementerian Pertanian supaya dapat

mengadakan sekatan-sekatan yang efektif, sekatan-sekatan yang baik di seluruh negara khususnya di pelabuhan-pelabuhan, lapangan-terbang-lapangan-terbang di mana tanam-tanaman ataupun buah-buahan, tumbuh-tumbuhan daripada luar negeri dibawa masuk oleh orang-orang negara ini ataupun orang-orang asing, daripada luar negeri, mereka ini dengan sewenang-wenangnya membawa masuk tumbuh-tumbuhan, tanam-tanaman yang begitu merbahaya dan sudah tentu tanam-tanaman ini akan mengandungi suatu organism yang merbahaya dan akan mendatangkan ataupun akan menyerang tanam-tanaman petani yang ada di negara kita ini. Oleh itu, saya mendesaklah supaya suatu peraturan-peraturan dan sekatan-sekatan yang efektif dapat diadakan oleh Kementerian ini agar kita dapat mencegah kemasukan tumbuh-tumbuhan, buah-buahan ini. Oleh kerana seperti saya sebutkan sebentar tadi kita tidak tahu buah-buahan, tumbuh-tumbuhan ini mengandungi organism-organism yang akan mengakibatkan, akan memudaratkan tumbuh-tumbuhan di negara kita ini.

Selain dari itu saya juga memuji Kementerian ini kerana dapat merangka suatu undang-undang yang saya berpendapat akan memberi manfaat yang begitu besar pada petani-petani kita.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu saya juga mencadangkan agar Akta ini dapat diperluaskan bukan sahaja seperti saya lihat di sini dipanjangkan kepada Wilayah Persekutuan sahaja sebagai komponen, tetapi juga akan dipanjangkan kepada negeri-negeri seperti Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong Rang Undang-undang meminda Akta Makhhluk Perosak Pertanian dan Tumbuh-tumbuhan Berbahaya, 1976.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani.

4.24 ptg.

Wan Zainab binti M. A. Bakar (Sungai Petani): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang iaitu Suatu Akta untuk meminda Akta Makhhluk Perosak Pertanian dan Tumbuh-tumbuhan Berbahaya 1976.

Saya juga bersetuju dengan sahabat saya dari Kuala Nerus dan saya rasa kita biasa dengar perkataan makhhluk, tetapi makhhluk perosak baru hari ini sahaja kita dengar dan membahasnya. Tuan Yang di-Pertua, mungkin kita baru sedar, walau bagaimanapun, kita belum terlambat dan dengan meminda Akta ini, kita akan selamat dari makhhluk perosak ini.

Saya berpendapat Kementerian Pertanian supaya bekerjasama dengan pihak Mergastua supaya dapat mencegah kemasukan binatang-binatang yang boleh membawa kuman-kuman yang merbahaya akan tanam-tanaman kita di Malaysia ini dan pihak kita juga akan membuat pemeriksaan yang rapi dan teliti supaya menentukan kuman-kuman atau makhhluk perosak tidak merosakkan tanam-tanaman kita, sebab ramai daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat itu tadi telah berkata betapa susahnyanya petani-petani kita di luar-luar bandar tambah pula kemasukan makhhluk-makhhluk perosak ini akan lebih menderita petani-petani kita nanti. Maka dengan itu kemasukan bahan-bahan kimia yang melalui baja yang diimport dari luar-luar ini pun patut dicegah dengan sekuat-kuatnya.

Jadi, pada pendapat saya, dengan denda \$10,000 dan penjara selama 2 tahun ini ada kalanya dengan pindaan Akta ini banyak daripada orang-orang yang tidak tahu dengan kemasukan barang-barang sebagai makhhluk

perosak tadi berbahaya kepada tumbuh-tumbuhan kita. Dengan adanya penerangan yang sebagai kita tahu patutlah van-van ataupun kereta-kereta penerangan tadi ataupun penerangan-penerangan dari pihak Jabatan Pertanian patut mengadakan penerangan yang lebih luas lagi supaya tidak teraniaya orang-orang yang tidak tahu dan didendakan dengan sebegitu banyak.

Walau bagaimanapun, pada orang-orang yang tahu mestilah denda ini pada saya tidak mencukupi kerana dengan penderitaan petani-petani kita di luar bandar patutlah dilebihkan dendanya lagi. Tetapi pada orang yang tidak tahu tidaklah patut, tetapi pada orang yang tahu, saya rasa denda-denda ataupun penjara yang serupa ini patut ditambah lagi. Jadi, pada hari ini saya baru dengar dengan perkataan "makhhluk perosak" dan dengan adanya pindaan yang begini akan lebih memberi peransang kepada petani-petani kita di luar bandar.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:
Yang Berhormat dari Jerai.

4.27 ptg.

Tuan Ismail bin Arshad (Jerai):
Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk bersama-sama memberi pandangan saya terhadap Rang Undang-undang untuk meminda Akta Makhhluk Perosak 1976 yang dikemukakan di sini pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, adalah wajar sekali Rang Undang-undang pindaan ini dikemukakan untuk dapat diluluskan di sini. Memandangkan bahawa akhir-akhir ini masalah makhhluk perosak ini menjadi amat ketara dan amat menimbulkan masalah terutama sekali kepada petani-petani yang berusaha untuk mendapatkan penghasilan daripada usaha-usaha tanamannya.

Apa yang dijelaskan dalam Huraian mengenai maksud makhhluk perosak ini amat luas dan apa yang ingin saya mengambil perhatian di sini ialah tentang bagaimanakah makhhluk perosak ini dapat berpindah daripada satu kawasan ke satu kawasan ataupun daripada satu negeri ke satu negeri. Misalnya di negara kita pada masa dahulu tidak pernah ada bena perang yang menjadi makhhluk perosak terhadap tanaman padi, tetapi beberapa tahun kebelakangan ini makhhluk perosak daripada jenis yang dinamakan bena perang ini telah datang ke negara kita. Sungguhpun di dalam pindaan Akta ini dinaikkan jumlah penalti yang boleh dikemukakan daripada \$1,000 ke \$10,000, tetapi mungkin kita tidak dapat hendak mendenda sesiapa kalau sekiranya makhhluk perosak itu datang tanpa diketahui dan tidak ada sesiapa yang menjaganya semasa ia datang.

Menurut laporan yang kita ketahui misalnya macam Bina Perang yang menjadi makhhluk perosak asalnya daripada Pulau Jawa datang menerusi Pantai Barat Negeri Johor datang ke Tanjong Karang, lepas itu ke Seberang Perak di Teluk Anson, akhirnya ke Seberang Perai dan seterusnya ke Kedah dan Perlis. Di Kedah mula-mula sekali makhhluk perosak yang dinamakan Bina Perang ini masuk di dalam kawasan saya iaitu di Kuala Sedaka, dekat Yan. Walaupun kita dapat trace bagaimana dia masuk tetapi tidak boleh mengambil tindakan kepada sesiapa sebab datangnya ialah dengan mengikut lampu-lampu kapal ataupun lampu-lampu bot nelayan yang ada di persisiran pantai kerana jenis makhhluk perosak seumpama ini sentiasa tertumpu kepada lampu-lampu. Jadi sekarang ini sudah menjadi masalah yang besar kepada tanaman padi di negara kita ini. Biasanya pada bulan Julai makhhluk perosak ini membiak dengan begitu ketara sekali, terutama sekali apabila semasa bulan-bulan

mengambang iaitu pada 14, 15 dan 16 haribulan dan sekarang ini menjadi masalah.

Saya tidak tahu bagaimana dengan adanya undang-undang ini kita dapat berusaha untuk mencegah pembiakan makhluk-makhluk perosak yang seumpama ini kecuali mungkin hanya kita dapat mengambil tindakan menerusi pihak-pihak mana yang sengaja membiarkan jenis-jenis tumbuhan ataupun rumput rampai yang boleh membiakkan musuh-musuh yang dinamakan makhluk perosak yang seumpama ini. Ini adalah menjadi tanggungjawab banyak pihak, terutama sekali apa yang menjadi masalahnya ialah terdapatnya kawasan-kawasan tanah terbiar yang menjadi pusat pembiakan makhluk-makhluk perosak yang datang tanpa dijagai, tanpa dibawanya masuk ataupun tanpa pengawalan kita ini. Inilah satu cara saya ingat sekiranya diberi perhatian mungkin dapat mengendalakkannya untuk pencegahan tetapi bukan dengan mengambil tindakan untuk mengenakan penalti kerana kemasukannya, hanya kerana membiarkan kawasan-kawasan untuk dapat dijadikan kawasan pembiakkannya.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, khususnya yang membentangkan Rang Undang-undang ini apakah tindakan-tindakan yang seumpama ini dapat diambil menerusi usaha-usaha untuk mengadakan peraturan-peraturan terhadap mereka yang sengaja tidak mahu mengikuti ataupun sengaja membiarkan supaya kawasan-kawasan yang terbiar itu menjadi pusat pembiakan musuh-musuh dan sebagainya.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, mungkin ini satu daripada cara untuk dapat kita mengatasi masalah makhluk perosak yang menjadi masalah terhadap tanaman-tanaman

kepada petani-petani di negara kita. Selain daripada itu, saya juga berharap kemungkinan Kementerian Pertanian sendiri mengambil perhatian yang serius supaya dapat menubuhkan satu tabung untuk membasmi musuh-musuh penyakit perosak tanaman-tanaman. Misalnya pada masa ini walaupun kedapatan peruntukan di bawah Kementerian Pertanian pada ketika berlakunya ancaman musuh-musuh terhadap tanaman-tanaman tetapi peruntukan ini kadangkala tidak mencukupi untuk mengatasinya. Misalnya pada tahun-tahun yang lepas saya difahamkan kalau sekiranya kita tidak dapat mengawal dengan baik dan dengan teratur musuh Bina Perang dan Bina Belakang Putih ataupun Bina Hijau yang membawa penyakit virus merah kepada padi mungkin semua racun-racun yang ada di dalam dunia sekarang ini sebagai pengeluaran oleh faktori-faktori racun tidak akan dapat mengatasi untuk mencegah perkembangan musuh-musuh yang tersebut. Walaupun kita ada persediaan tetapi kadangkala peruntukan yang ada tidak mencukupi untuk mengatasinya.

Adalah amat wajar di mana Akta ini dibentangkan dengan harapan supaya dapat diambil tindakan menerusi peraturan-peraturan yang dapat dibuat dari masa ke masa supaya semua pihak dapat menginsafi tentang bahaya makhluk-makhluk perosak ini dan dengan demikian untuk dapat kita memberi sebenar-benar penjelasan dan penerangan kepada semua pihak, terutama sekali kepada penduduk-penduduk luar bandar di sektor pertanian untuk mengetahui masalah yang sedang dihadapi dan masing-masing jika dapat mengatasinya dengan persendirian, sekurang-kurangnya dapat membantu masalah perkembangan ataupun masalah pembiakan musuh-musuh perosak ini dengan begitu ketara di samping beberapa peraturan dan tindakan yang

akan dibuat nanti akan menjadi pengajaran ataupun menyedarkan pihak-pihak yang sentiasa membiarkan kawasan-kawasannya menjadi tempat untuk pembiakan musuh-musuh yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini sekali lagi saya mengambil kesempatan ini memberi sokongan saya yang penuh ke atas pindaan Akta Makhluk Perosak ini dengan harapan mudah-mudahan dengan peraturan-peraturan yang akan dibuat nanti akan dapat membawa jaminan dan membawa perkembangan kebaikan kepada mengatasi masalah makhluk perosak yang sentiasa menjadi ancaman terhadap petani-petani di negara ini.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Saya menjemput Timbalan Menteri menjawab dan menggulung perbahasan.

4.37 ptg.

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada para Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil dalam perbahasan terhadap Rang Undang-undang ini iaitu saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kuala Nerus, Yang Berhormat dari Padang Rengas, Yang Berhormat dari Pasir Puteh, Yang Berhormat dari Silam, Yang Berhormat dari Sungai Petani dan Yang Berhormat dari Jerai.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, Tuan Yang di-Pertua, tujuan dan keperluan Rang Undang-undang ini ialah untuk menolong serta mencegah datangnya makhluk-makhluk yang tersebut dalam Rang Undang-undang ini daripada melarat serta berjangkit kepada tumbuh-tumbuhan yang kita tanam di negara ini. Oleh kerana hal yang demikian para pihak Kerajaan telah bertindak

supaya pindaan kepada Rang Undang-undang ini harus dibuat untuk mengawal keadaan yang akan jadi dan yang sudah ada di negara kita di Malaysia ini oleh kerana menurut bukti dan penelitan yang telah dibuat oleh para pakar-pakar dan pihak MARDI kita sudah jelas sekali bahawa makhluk-makhluk asing ini didapati dalam tumbuh-tumbuhan yang tertentu yang dibawa masuk ke negara kita dari negara jiran atau dari negara lain. Oleh kerana hal yang demikian pihak pakar ataupun pihak MARDI telah memutuskan supaya tindakan Rang Undang-undang seperti mana yang kita bahaskan di Dewan ini pada hari ini harus diambil untuk kepentingan rakyat negara ini khasnya para petani dan amnya para pekebun-pekebun yang mendatangkan hasil kepada negara kita. Jadi, saya ucapkan sekali lagi ribuan terima kasih atas teguran kepada para Ahli Yang Berhormat yang membuat teguran yang sangat penting serta menarik perhatian Kerajaan atas berbagai-bagai aspek yang patut kita jaga untuk melindungi kepentingan para petani-petani di negara ini.

Sebagaimana yang telah pun disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus dimaklumkan bahawa virus ataupun kuman-kuman adalah mungkin dibawa oleh manusia melalui kapalterbang atau kenderaan yang lain akan tetapi perkara ini harus mempunyai bukti yang cukup barulah pihak Kerajaan dapat mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mencegah perkara ini jangan berlaku.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh, adalah tidak benar semua tumbuhan diharamkan dari dibawa masuk ke negara kita kerana ianya dibenarkan apabila didapati tidak mendatangkan penyakit tumbuh-tumbuhan. Dan juga pengimportan pokok-pokok dan

tumbuhan-tumbuhan tidak dilarang dan boleh dibawa masuk dengan mendapatkan kebenaran daripada Ketua Pengarah Pertanian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Silam, dimaklumkan bahawa di dalam tahun 1983 sebanyak 35.969 kiriman bahan pertanian telah diperiksa. 594 kiriman telah dimusnah. Seluruh Malaysia adalah dilindungi termasuk Sabah dan Sarawak, tiap-tiap negeri dikenali sebagai komponen. Jadi, saya harap Ahli Yang Berhormat itu tidak akan merasa ragu-ragu sebagaimana yang telah pun disyorkan oleh Yang Berhormat tadi memohon agar Rang Undang-undang ini dikuatkuasakan termasuk juga negeri Sabah dan Sarawak.

Ahli Yang Berhormat dari Silam dimaklumkan bahawa Akta ini juga akan memberi manfaat dan dianggap mustahak bagi kepentingan kedua-dua negeri Sabah dan Sarawak. Sebagaimana yang saya telah jelaskan dalam menghuraikan Rang Undang-undang ini tadi, kita juga mempunyai concern mengenai negeri Sabah dan Sarawak oleh kerana bagaimana yang saya telah terangkan di sini bila menghuraikan Rang Undang-undang ini iaitu penyakit buah koko yang bukan berasal dari negeri Sabah itu didapati datangnya dari negara jiran ataupun dari negara asing. Oleh kerana hal yang demikian pihak Kerajaan telah mengambil tindakan menerusi Rang Undang-undang ini supaya memberi perlindungan kepada semua negeri di seluruh tanahair.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Jerai, langkah untuk mengawal pembiakan iaitu penyakit, pengawalan ini perlu kerjasama penuh melalui Pertubuhan-pertubuhan Peladang untuk mematuhi arahan-arahan yang dikeluarkan oleh Kerajaan untuk menentukan supaya tindakan yang diambil adalah

berkesan. Sebagaimana yang kita sedia maklum para petani kita ini mereka banyak bilangannya kadangkala terdapat bilangan yang kecil di antara mereka itu yang engkar tidak berapa mahu mematuhi syarat-syarat ataupun peraturan-peraturan yang dikehendaki daripada pihak Kerajaan khususnya pihak Jabatan Pertanian. Oleh hal yang demikian, kadangkala sebagaimana yang telah pun dijelaskan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat tadi tentu sekali tindak-tanduk yang tidak mengikut peraturan yang dikehendaki oleh Kerajaan itu telah menjangkitkan kuman-kuman penyakit tumbuh-tumbuhan kepada jiran-jiran mereka yang mempunyai tanaman-tanaman ataupun kebun-kebun sayur-sayuran atau buah-buahan atau tanaman padi yang berdekatan. Jadi, sebagaimana yang saya katakan tadi hal ini adalah tugas kita semua termasuk juga para Ahli-ahli Yang Berhormat supaya memberi nasihat kepada para petani-petani kita di dalam kawasan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani, bahan-bahan ataupun sebaran bahan-bahan penerangan, ini juga saya ucapkan setinggi terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Untuk menarik perhatian pihak Jabatan Pertanian tentu sekali kami akan memberi arahan kepada tiap-tiap negeri supaya pegawai-pegawai yang ditempatkan di merata-rata tempat di seluruh tanahair ini dapat memberi penjelasan yang jelas terhadap Rang Undang-undang ini supaya sebagaimana yang disebutkan tadi rakyat kita yang balik daripada melawat negara lain tidak dengan sengajanya membawa tumbuh-tumbuhan yang membawa penyakit kepada tanam-tanaman di negara ini akan tercenggang mendapati tuduhan daripada pihak Kerajaan dan kita haraplah Rang Undang-undang ini

akan dikuatkuasakan di seluruh Malaysia ini dengan baik dan akan berkesan kepada semua pihak.

Saya tidak dapat memberi jawapan satu persatunya kepada teguran tiap-tiap Ahli Yang Berhormat itu tetapi sekali lagi saya ucapkan ribuan terima kasih atas nasihat dan teguran mereka kepada pihak yang berkuasa.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang-kan dalam Jawatankuasa.

(Dr Abdul Hamid bin Pawanteh
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 9 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

PENANGGUHAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 16 iaitu Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Oo Gin Sun): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

PELAKSANAAN MATA PELAJARAN BAHASA MALAYSIA DAN JAWI

4.53 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya membangkitkan soal pelaksanaan Bahasa Malaysia dan Jawi di sekolah-sekolah antara keutamaan yang diberikan kepada masing-masing. Kerajaan mesti menambahkan usahanya dalam pelaksanaan satu sistem ejaan dan sebutan Bahasa Malaysia rumi yang seragam.

Apa-apa usaha untuk memaksa dengan mewajibkan mata pelajaran Jawi bagi semua pelajar tanpa mengira kaum adalah tidak dapat diterima oleh semua.

Kerajaan mesti mempertingkatkan usahanya dalam mengadakan satu sistem ejaan Jawi yang selaras dan lengkap supaya dapat disepadankan dengan sistem rumi Bahasa Malaysia.

Usaha Kerajaan untuk mempopularkan dan menggalakkan penggunaan tulisan Jawi adalah dialu-alukan tetapi apa-apa langkah untuk memaksa dengan mewajibkan mata pelajaran Jawi khususnya bagi semua pelajar tanpa mengira kaum adalah tidak dapat diterima oleh semua.

Pada awal tahun ini Kerajaan telah mengumumkan bahawa Jawi akan menjadi satu mata pelajaran wajib di semua sekolah rendah menjelang tahun 1986. Akan tetapi pada awal bulan Jun, Ketua Pengarah Pelajaran, Tan Sri Murad Mohd. Noor telah menyatakan bahawa Jawi bukan suatu

pelajaran wajib bagi murid-murid bukan Islam di sekolah-sekolah rendah Kerajaan mesti menjelaskan status benar Jawi sebagai suatu mata pelajaran sekolah.

Adakah Kerajaan bertujuan pada masa hadapan mewajibkan mata pelajaran itu sebagai satu mata pelajaran di sekolah-sekolah rendah bagi semua murid tanpa mengira kaum.

Saya ingin menegaskan bahawa apa-apa usaha untuk menjadikan tulisan Jawi sebagai mata pelajaran wajib di sekolah-sekolah Kerajaan adalah bercanggah dengan Perkara 152 Perlembagaan Malaysia yang memberikan kuasa kepada Parlimen untuk menentukan huruf rasmi Bahasa Kebangsaan.

Fasal 9 Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967 memperuntukkan bahawa huruf rasmi adalah huruf rumi di negara kita terdapat sekurang-kurangnya tiga sistem ejaan Jawi, yang pertama Sistem Zaaba, yang kedua Sistem Dian dan yang ketiga Sistem Utusan Melayu dan Dewan Bahasa.

Sistem Utusan Melayu dan Dewan Bahasa adalah perkembangan daripada Sistem Zaaba. Dengan itu masalahnya sekarang ialah seolah-olah terdapat dua jenis ejaan Jawi yang berlainan.

Saya merayu dan menyeru Kerajaan supaya mempergiatkan usaha untuk mengadakan satu sistem ejaan Jawi yang selaras yang lebih lengkap supaya dapat disepadankan dengan sistem rumi bahasa kita.

Sistem ejaan harus diperkemas supaya nanti tidak wujud kekeliruan sebagaimana yang dialami oleh pelajar-pelajar sekarang di mana tidak terdapat penguatkuasaan dalam pelaksanaan satu sistem ejaan dan sebutan Bahasa Malaysia rumi yang seragam.

Saya menyeru supaya Kerajaan mempertingkatkan usaha menyelaraskan ejaan Jawi dengan ejaan Bahasa Malaysia rumi untuk menggalakkan penggunaan secara sukarela.

Sekian, terima kasih.

4.58 ptg.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:
Tuan Yang di-Pertua, nampaknya pada kali ini beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan perkara tulisan Jawi dalam sistem pendidikan. Ada yang membangkitkannya dengan soal status, sama ada wajib dipelajari atau tidak. Ada yang membangkitkannya dengan Perkara 152 Perlembagaan Malaysia dan ada yang membangkitkannya dengan soal-soal yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong khasnya dan untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat di Dewan ini amnya, sukalah saya menyatakan bahawa tulisan Jawi yang menggunakan huruf Arab beserta dengan beberapa huruf baharu yang lain adalah salah satu daripada dua sistem tulisan yang telah digunakan dalam persuratan Melayu dan Bahasa Malaysia adalah salah satu bahasa yang dapat dirakamkan dengan dua sistem tulisan—Jawi dan Rumi, sama-samanya berkesan.

Tulisan Jawi telah dimasukkan ke dalam kurikulum sekolah semenjak negara ini belum mencapai kemerdekaan, lagi. Dalam sistem pendidikan kebangsaan, tulisan ini juga telah dimasukkan sebagai sebahagian daripada isi kandungan sukatan pelajaran Bahasa Malaysia.

Demikian juga dalam KBSR. Ini bukanlah perkara baharu sebaliknya

adalah merupakan lanjutan daripada apa yang telah sedia ada. Kementerian Pelajaran tidak pernah membuat sebarang pengumuman rasmi yang menyatakan bahawa pelajaran tulisan Jawi ini wajib dipelajari oleh semua murid. Yang sebenarnya hanya murid Islam sahaja yang diwajibkan mempelajarinya, sementara murid-murid bukan Islam tidak diwajibkan, sebaliknya cuma digalakkan sahaja. Pengalaman kita menunjukkan murid-murid yang mempelajari tulisan Jawi tidak mengalami kesan negatif dalam mempelajari Bahasa Malaysia mereka. Sebaliknya mereka mempunyai peluang yang lebih luas dalam bidang pembacaan. Mereka boleh membaca yang bahan-bahan bacaan yang tercetak dalam kedua-dua sistem tulisan dalam Bahasa Malaysia.

Soal mengenai perkara yang akan diberi keutamaan sama ada kepada tulisan Jawi atau Bahasa Malaysia, tidak timbul sama sekali kerana tulisan Jawi bukanlah satu bahasa. Sedangkan Bahasa Malaysia adalah merupakan alat perpaduan negara yang terpenting yang telah diterima oleh semua rakyat Malaysia. Bahasa Malaysia telah pun diberi status wajib, sementara tulisan Jawi hanyalah salah satu media bagi merakamkan sesuatu dari Bahasa Malaysia.

Soal pelanggaran ke atas Perkara 9 Akta Bahasa Kebangsaan 1963 dan 1967, soal kegopohan memperkenalkan pelajaran tulisan Jawi di sekolah dan soal penyelarasan kerja dengan Dewan Bahasa dan Pustaka juga tidak timbul, sebab semua keputusan dan tindakan Kementerian Pelajaran adalah dijalankan secara berancang serta mengikut lunas-lunas undang-undang. Jadi, tidak ada perkara yang harus dibimbangkan oleh mana-mana pihak berkenaan isu tulisan Jawi ini. Sekian.

PEGUAM NEGARA SEBAGAI AHLI LEMBAGA PENGAMPUNAN

5.00 ptg.

Tuan Karpal Singh (Jelutong): Tuan Speaker, keahlian Peguam Negara dalam Lembaga Pengampunan tidak mencerminkan keadilan, satu konsep keadilan.

Seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat ada tahu, Tuan Speaker, Peguam Negara adalah menjadi "Public Prosecutor", dengan izin, menurut apa yang ada di dalam "Criminal Procedure Code".

Sebagai seorang Pendakwa Raya (Public Prosecutor), tugas Pendakwa Raya itu dalam hal ini Peguam Negara juga untuk membuat pendakwaan ke atas orang-orang yang ada melakukan kesalahan di bawah undang-undang.

Apabila pendakwaan sudah dibuat, Tuan Speaker, orang yang didakwa ada di hadapan mahkamah dan selepas keputusan mahkamah sudah dibuat, jikalau orang itu didapati salah, orang itu ada peluang untuk buat rayuan ke Mahkamah Tinggi dan selepas itu jikalau ada kuasa untuk buat rayuan ke Mahkamah Persekutuan. Dan ada banyak kes, Tuan Speaker, di mana ada di dalam kes-kes Mahkamah Tinggi menjatuhkan hukuman mati, selepas itu rayuan kepada Mahkamah Persekutuan dan akhirnya, Tuan Speaker, apa yang orang itu boleh buat ialah membuat satu rayuan bukan kepada satu mahkamah tetapi kepada Lembaga Pengampunan.

Selepas itu, Tuan Speaker, dan apabila rayuan itu ada ditimbang, adakah adil jikalau orang yang ada teruskan pendakwaan itu menjadi ahli dalam Badan Pengampunan yang menimbang rayuan pengampunan?

Dalam fikiran saya, Tuan Speaker, itu bukan keadilan oleh kerana Peguam Negara tidak boleh jadi, "judge in his own cause," dengan izin.

Beliau tidak boleh duduk dalam Badan itu untuk membuat satu keputusan. Dan apa yang lagi serius, Tuan Speaker, Badan ini tentu timbangkan satu laporan yang ada dibuat oleh Peguam Negara dalam rayuan ini.

Tuan Speaker, ini menjadi satu hal yang tidak adil dan dalam fikiran saya, Tuan Speaker, Kerajaan patutlah mengambil tindakan untuk meminda Perlembagaan supaya Peguam Negara tidak menjadi ahli dalam Lembaga Pengampunan.

Tuan speaker, apabila ada orang yang buat rayuan kepada Badan ini, beliau tidak boleh hadir di hadapan Badan ini untuk membuat rayuan sendiri. Apa yang beliau boleh buat ialah membuat satu rayuan bertulis juga tetapi Peguam Negara, orang yang ada memulakan pendakwaan itu, ada di sana sendiri, jikalau bukan sendiri, Timbalan beliau ada hadir di dalam badan itu untuk mengambil keputusan atas rayuan itu.

Tuan Speaker, saya merayu sekali lagi kepada Kerajaan, barangkali buat pindaan kepada Perlembagaan dalam hal ini.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Adakah Yang Berhormat hendak menjawab bagi pihak Perdana Menteri?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak nampak sebarang sebab mengapa keahlian Peguam Negara sebagai Ahli Jemaah Pengampunan patut dipersoalkan ataupun Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan patut dipinda.

Perkara 145 (2) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa adalah menjadi kewajipan

Peguam Negara menasihatkan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau Jemaah Menteri atau mana-mana Menteri mengenai apa-apa perkara undang-undang.

Jelaslah bahawa tugas Peguam Negara sebagai Ahli Jemaah Pengampunan hanyalah untuk memberi nasihat undang-undang kepada Jemaah Pengampunan dan ahli-ahli yang lain adalah bebas menyampaikan pandangan mereka berasaskan kepada maklumat-maklumat yang tidak ada kaitan dengan undang-undang. Seperti mana yang ditegaskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Public Prosecutor* melawan *Soon Seng alias Sia Heng & Others* yang dilaporkan dalam tahun 1979 2 MLJ, muka surat 170 bahawa Jemaah Pengampunan bukanlah merupakan satu mahkamah. Tugasnya ialah cuma memberi nasihat kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Duli Yang Maha Mulia Raja-raja dan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri, yang mana berkenaan dalam satu-satu kes yang dipertimbangkan dan tidak menghakimkan kes itu atas keterangan-keterangan yang boleh diterima mengikut undang-undang. Mahkamah Persekutuan dalam kes yang sama juga menegaskan bahawa Jemaah Pengampunan adalah berhak mengambil kira perkara-perkara yang mana mahkamah biasa tidak dibenarkan oleh undang-undang mengambil kira semasa menghakimkan satu-satu kes itu dalam membuat keputusan untuk memberi nasihat kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Duli Yang Maha Mulia Raja-raja dan Tuan Yang Tertutama Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri, yang mana berkenaan.

Mahkamah Persekutuan juga menegaskan bahawa keputusan Jemaah Pengampunan adalah

merupakan satu keputusan "Executive" berdasarkan kepada sebab-sebab "public policy". Oleh itu dan memandangkan tugas dan kuasa Jemaah Pengampunan yang begitu luas, adalah perlu bagi Peguam Negara menjadi salah seorang ahli untuk memberi nasihat undang-undang bagi menentukan bahawa apa-apa nasihat yang disembahkan kepada Ketua Negara atau Ketua Negeri, serta keputusan yang dibuat oleh mereka adalah benar-benar betul dari segi undang-undang.

Dalam keadaan sedemikian, adalah tidak benar dan sangat keterlaluan bagi Ahli Yang Berhormat dari Jelutong mendakwakan bahawa Yang Berhormat Peguam Negara sebagai ahli Jemaah Pengampunan adalah menjadi hakim dalam "cause" beliau sendiri. Terima Kasih.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:
Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah ada satu usul iaitu Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Menurut Peraturan Mesyuarat 16, iaitu Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:
Majlis Mesyuarat ditangguhkan sekarang. Majlis akan bersidang semula pada pukul 3.00 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.10 petang.